

# inovasi peneraju kecemerlangan



LAPORAN TAHUNAN 2014

# KANDUNGAN


## PERUTUSAN

Pengerusi 8
Setiausaha 10
Ketua Pegawai Eksekutif 12

## MAKLUMAT KORPORAT

Latar Belakang 16
Visi, Misi, Slogan, Objektif dan Strategi 17
Carta Organisasi 18
Keahlian MAIWP 19

## PENYATA PENGERUSI

Prestasi Kewangan 26
- Pendapatan & Perbelanjaan Kumpulan 27
- Aset Bukan Semasa Kumpulan 27
- Aset Semasa & Liabiliti Semasa Kumpulan 27
- Penarafan 4 Bintang Tahun Ketiga Barturut-turut 28

Kutipan dan Penggunaan Dana Zakat 28
Wakaf Korporat MAIWP 29
Skuad Jejak Asnaf Baitulmal 29
Pembangunan Hartanah 29
Tumpuan Masa Hadapan 30
Penghargaan 31

## LAPORAN OPERASI PROGRAM UTAMA

Program Utama 1 : Agihan Zakat 34
1.1 Aktiviti Pembangunan Sosial 36
1.2 Aktiviti Pembangunan Ekonomi 39
1.3 Aktiviti Pembangunan Pendidikan 41
1.4 Aktiviti Kebajikan & Dakwah 43

Program Utama 2 : Pembangunan Modal Insan 52
2.1 Darul Hannan 52
2.2 Tadika Islam 53
2.3 Sekolah Menengah Integrasi Sains Tahfiz (SMISTA) 54
2.4 Sekolah Menengah Agama SMA-MAIWP 55
2.5 Institut Kemahiran Baitulmal 57

Program Utama 3 : Perlindungan Dan Kebajikan 58
3.1 Darul Kifayah 58
3.2 Dar Assaadah 59
3.3 Darul Ilmi 59
3.4 Kaunseling 60











Program Utama 4 : Pembangunan Hartanah 61
- 4.1 Projek Pembangunan 62
- 4.2 Sewaan 62

Program Utama 5 : Pelaburan 63

Program Utama 6 : Syarikat & Yayasan 64
- 6.1 Hartasuci Sdn. Bhd. 64
- 6.2 Hospital PUSRAWI Sdn. Bhd. 65
- 6.3 Institut Profesional Baitulmal Sdn. Bhd. 66
- 6.4 Kolej Sains Perubatan Antarabangsa PUSRAWI Sdn. Bhd. 67
- 6.5 Yayasan Taqwa Wilayah Persekutuan 68
- 6.6 MAIWP Dagang Sdn. Bhd. 69




## LAPORAN OPERASI AKTIVITI PENGURUSAN


Sumber Manusia 72
Latihan 73
Penggunaan Teknologi Maklumat (ICT) 74
Pengauditan 74
Perhubungan Korporat 75
Penutup 76





## PENYATA KEWANGAN 2014


Sijil Ketua Audit Negara 78
Laporan Pengerusi dan Ahli Majlis 80
Pengakuan Berkanun 81
Lembaran Imbangan 82
Penyata Pendapatan 83
Penyata Perubahan Kumpulan Wang 84
Penyata Aliran Tunai 85
Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan 87




## INFORMASI


Skim Bantuan Zakat Baitulmal 116
Syarat Umum Penerima Bantuan Zakat Baitulmal 116
Takrif Asnaf 117
Bangunan milik MAIWP 118
Syarikat & Yayasan 124
Institusi- Institusi 125
Direktori MAIWP 129





## DIARI MAIWP

DIARI MAIWP 132

## KERATAN AKHBAR

KERATAN AKHBAR 154



*“ Walau apa pun apa-apa jua dalam Perlembagaan ini, Yang di-Pertuan Agong hendaklah menjadi Ketua Agama Islam di Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya; dan bagi maksud ini Parlimen boleh melalui undang-undang membuat peruntukan-peruntukan bagi mengawal selia hal ehwal agama Islam dan bagi menubuhkan suatu Majlis untuk menasihati Yang di-Pertuan Agong mengenai perkara-perkara yang berhubungan dengan agama Islam “*

*Perkara 3(5) Perlembagaan Persekutuan*

**SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG XIV ALMU’TASIMU BILLAHI MUHIBBUDDIN TUANKU ALHAJ ABDUL HALIM MU’ADZAM SHAH IBNI ALMARHUM SULTAN BADLISHAH**

D.K., D.K.H., D.K.M., D.M.N., D.U.K., D.M.K., D.K.(Kelantan), D.K.(Pahang), D.K.(Selangor), D.K.(Perlis), D.K.(Negeri Sembilan), D.K.(Johor), D.K.(Terengganu), D.K.(Perak), D.K. (Brunei), D.P.(Sarawak), D.U.N.M., S.M.D.K., S.H.M.S., S.G.M.K., S.P.M.K., S.S.D.K., Grand Cordon of The Order of the Rising Sun of Japan, Bintang Maha Putra Adipradana (Indonesia), Order of the Rammata Thailand, Honourable Knight Grand Cross Order of the Bath of U.K., Asso. Knight Order of St. John., Hon. Ph.D (UUM), Collar of the Supreme Order of the Chrysanthemum and Grand Cordon of the Supreme Order of the Chrysanthemum (Japan), The Knight of the Most Illustrious Order of the Royal House of Chakri (Thailand)





# PERUTUSAN




# PERUTUSAN

## MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

### MERANGKAP PENGERUSI MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ وَالصَّلاَةُ وَالسَّلاَمُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِيْنَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ أَمَّا بَعْدُ

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Alhamdulillah, sama-sama kita panjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah dan kurniaNya maka kita semua masih diberikan kekuatan untuk meneruskan tanggungjawab kita di muka bumi ini.

Tahniah diucapkan kepada MAIWP yang telah menjangkau usia 40 tahun pada tahun 2014. Sepanjang tempoh tersebut, sudah pastinya pelbagai kejayaan, permasalahan dan rintangan telah ditempuhi. Pengalaman-pengalaman tersebut menjadikan MAIWP lebih matang dalam mendepani cabaran yang mendatang. Saya berasa amat bertuah kerana diberi amanah untuk turut serta memimpin MAIWP dan meneruskan kesinambungan usaha-usaha yang telah dilaksanakan sebelum ini.

Sepanjang tahun 2014, MAIWP telah meneruskan usahanya dalam melaksanakan agenda pembangunan ummah di Wilayah Persekutuan. Kutipan zakat di Wilayah Persekutuan terus meningkat dan jumlah kutipan yang melebihi RM500 juta merupakan antara yang tertinggi di Malaysia. Peningkatan kutipan zakat ini antaranya disumbangkan oleh keyakinan para pembayar zakat setelah melihat usaha proaktif MAIWP dalam mengagihkan wang zakat yang dibayar oleh mereka.

Selain dana zakat, MAIWP juga dilihat telah mengorak langkah dalam memperkasakan dana wakaf. Wakaf korporat yang dilancarkan pada tahun 2013 telah menarik minat badan-badan korporat dan individu untuk menyumbangkan dana wakaf. Saya percaya wakaf korporat ini berpotensi untuk dikembangkan apatah lagi dengan peningkatan kesedaran umat Islam untuk berwakaf.

Aktiviti-aktiviti lain yang menjadi teras utama MAIWP seperti pembangunan modal insan, perlindungan dan kebajikan serta pembangunan hartanah telah memberi manfaat kepada pelbagai pihak samada secara langsung atau tidak langsung. Kepelbagaian perkhidmatan yang ditawarkan menjadikan MAIWP lebih dekat kepada masyarakat. Semoga usaha yang dilaksanakan ini akan saling melengkapi usaha-usaha oleh agensi Islam yang lain dalam menyemarakkan syiar Islam dan memartabatkan Islam di negara ini khususnya di Wilayah Persekutuan.

Akhir kata, tahniah saya ucapkan kepada seluruh warga MAIWP di atas komitmen yang telah ditunjukkan sepanjang tahun 2014 dan saya berdoa agar MAIWP terus berada di landasan menjadi sebuah model kepada agensi-agensi lain di Malaysia ini.



**MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B)**

**" KEPELBAGAIAN PERKHIDMATAN YANG DITAWARKAN MENJADIKAN MAIWP LEBIH DEKAT KEPADA MASYARAKAT. "**



# PERUTUSAN

## PENGARAH JABATAN AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN, MERANGKAP

### SETIAUSAHA MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN

بسم الله الرحمن الرحيم

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Alhamdulillah, syukur dipanjatkan ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia dan izinNya, MAIWP pada tahun ini sekali lagi dapat menerbitkan Laporan Tahunan 2014.

MAIWP telah membuat beberapa keputusan penting pada tahun 2014. Keputusan-keputusan ini dibuat selari dengan usaha untuk memperkasa kemajuan dan menjaga kebajikan umat Islam selain memperkemaskan pengurusan MAIWP agar dapat berfungsi dengan lebih proaktif dalam melaksanakan tanggungjawab kepada masyarakat.

Amanah yang telah dipertanggungjawabkan untuk menjaga kebajikan dan meningkatkan sosioekonomi umat Islam khususnya di Wilayah Persekutuan merupakan satu usaha yang besar dan sukar untuk dilaksanakan tanpa komitmen daripada semua pihak. Kita bersyukur kerana sehingga sekarang, setiap program dan aktiviti yang dilaksanakan oleh MAIWP mendapat kerjasama yang baik daripada semua pihak merangkumi jabatan-jabatan kerajaan, institusi-institusi korporat dan Badan-Badan Bukan Kerajaan (NGO).

Kejayaan yang telah dicapai sepanjang tahun 2014 tidak akan menjadi titik nokhtah kepada MAIWP. MAIWP tidak akan mudah berpuas hati dengan kejayaan tersebut sebaliknya akan terus melaksanakan usaha berganda demi kepentingan dan kemaslahatan umat Islam seluruhnya. Saya yakin dan percaya dengan kerjasama semua pihak termasuk pengurusan MAIWP yang cekap dan profesional akan mampu memacu MAIWP ke satu tahap yang boleh dibanggakan.

Akhir kata, saya mengajak kepada semua pihak agar kita semua dapat berusaha dan memberikan yang terbaik dalam menaikkan syiar Islam.

Terima kasih.



**HAJI PAIMUZI BIN YAHYA**

**“ ...SETIAP PROGRAM DAN AKTIVITI YANG DILAKSANAKAN OLEH MAIWP MENDAPAT KERJASAMA YANG BAIK DARIPADA SEMUA PIHAK... ”**



# PERUTUSAN

## KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

### MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN

بسم الله الرحمن الرحيم

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Segala pujian dipanjatkan ke hadrat Allah SWT. Selawat dan salam ke atas junjungan besar, Rasulullah SAW dan ahli keluarga Baginda serta para sahabat Baginda SAW seluruhnya. Pertamanya tahniah dan terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang telah bertungkus lumus berusaha menjayakan penerbitan buku ini.

Tanggal 1 Februari 2014, maka genaplah 40 tahun penubuhan MAIWP setelah ia ditubuhkan pada 1 Februari 1974 serentak dengan penubuhan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Sempena menyambut ulang tahun penubuhan MAIWP yang ke-40 ini, beberapa program telah diadakan. Antaranya MAIWP telah menjadi tuan rumah bagi penganjuran Bengkel Teknikal Amalan Terbaik Pembasmian Kemiskinan Negara Anggota MABIMS 2014. Melalui bengkel ini, usaha yang telah dilaksanakan oleh MAIWP khususnya dalam program pembasmian kemiskinan telah dikongsikan dengan peserta dari dalam dan luar negara.

Pada tahun 2014, MAIWP terus mempergiatkan usahanya dalam meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan antaranya melalui aktiviti-aktiviti inovasi yang dapat menambahbaik proses dan prosedur kerja. Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) MAIWP yang mula digerakkan pada tahun 2014 telah menunjukkan prestasi yang membanggakan. Salah satu kumpulan KIK MAIWP telah berjaya menjadi johan dalam Konvensyen KIK Peringkat Jabatan Perdana Menteri dalam penyertaan kali pertama MAIWP di pertandingan tersebut. Skuad Jejak Asnaf Baitulmal MAIWP juga telah mendapat pengiktirafan sebagai antara program inovasi terbaik dalam menyantuni golongan asnaf.

Menyentuh mengenai dasar kerajaan dalam pelaksanaan Strategi Lautan Biru Kebangsaan, MAIWP secara berterusan sentiasa menyokong usaha ini. Pada tahun 2014 ini, kerjasama ini diperluaskan dengan kerjasama dengan Kementerian Dalam Negeri bagi penubuhan pusat gelandangan.

Sepanjang tahun 2014, MAIWP sedang giat menyempurnakan cadangan pengukuhan organisasi MAIWP. Cadangan pengukuhan ini dibuat selari dengan peningkatan peranan dan tanggungjawab yang memerlukan MAIWP untuk menaiktaraf beberapa jawatan dan menambah bilangan perjawatan. Ianya perlu bagi memastikan perkhidmatan MAIWP sentiasa berada pada tahap yang terbaik.

Akhir kata, pada kesempatan ini, saya mewakili pengurusan MAIWP merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih dan penghargaan kepada semua pihak yang telah memberikan kerjasama kepada MAIWP samada secara langsung atau tidak langsung sehingga MAIWP berjaya berada tahapnya kini.

Sekian, terima kasih.



**DATUK HAJI ZAINAL ABIDIN BIN JAFFAR**

**“ ...MAIWP TERUS MEMPERGIATKAN USAHANYA DALAM MENINGKATKAN KUALITI PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN ANTARANYA MELALUI AKTIVITI-AKTIVITI INOVASI YANG DAPAT MENAMBAHBAIK PROSES DAN PROSEDUR KERJA... ”**





# MAKLUMAT KORPORAT

# MAKLUMAT KORPORAT

## LATAR BELAKANG MAIWP

Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) ditubuhkan pada 1 Februari 1974 serentak dengan penubuhan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Penubuhannya adalah bagi menjaga hal ehwal Islam di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang sebelum itu diletakkan di bawah kerajaan negeri Selangor. MAIWP selepas itu turut bertanggungjawab menguruskan hal ehwal umat Islam di Labuan dan Putrajaya setelah kedua-duanya diumumkan sebagai Wilayah Persekutuan masing-masing pada 16 April 1984 dan 1 Februari 2001. Penubuhan MAIWP dinyatakan melalui peruntukan di dalam Perlembagaan Persekutuan dan Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 [Akta 505].

## PERKARA 3 (5) PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN MEMPERUNTUKKAN BAHAWA :

"Walau apa pun apa-apa jua dalam Perlembagaan ini, Yang di-Pertuan Agong hendaklah menjadi Ketua Agama Islam di Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya; dan bagi maksud ini Parlimen boleh melalui undang-undang membuat peruntukan-peruntukan bagi mengawal selia hal ehwal agama Islam dan bagi menubuhkan suatu Majlis untuk menasihati Yang di-Pertuan Agong mengenai perkara-perkara yang berhubungan dengan agama Islam."

## SEKSYEN 4(1), AKTA 505 PULA MENYATAKAN:-

"Maka hendaklah ada suatu badan yang dikenali sebagai "Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan", untuk menasihati Yang di-Pertuan Agong dalam perkara-perkara yang berhubungan dengan agama Islam."



## BIDANG KUASA MAIWP PULA DIJELASKAN MELALUI SEKSYEN 31, AKTA 505 YANG MENYATAKAN:

"Majlis hendaklah membantu dan menasihati Yang di-Pertuan Agong berkenaan dengan semua perkara yang berhubungan dengan agama Islam di dalam Wilayah-Wilayah Persekutuan, kecuali perkara-perkara Hukum Syarak dan yang berhubungan dengan pentadbiran keadilan, dan dalam semua perkara sedemikian hendaklah menjadi pihak berkuasa utama di dalam Wilayah-Wilayah Persekutuan selepas Yang di-Pertuan Agong, kecuali jika diperuntukkan selainnya dalam Akta ini."

## VISI

Peneraju dalam pembangunan dan kesejahteraan ummah

## MISI

Merealisasikan agenda pembangunan ummah secara terancang dan menyeluruh

## SLOGAN

" MEMACU KEGEMILANGAN UMMAH "

## OBJEKTIF

- Membentuk dan mewujudkan sebuah masyarakat Islam yang dinamis dan progresif yang sentiasa mencari keredhaan Allah.
- Memupuk keimanan dan mengukuhkan ukhuwwah Islamiah di kalangan orang-orang Islam di Wilayah Persekutuan khasnya dan Malaysia amnya bagi mencapai perpaduan ummah.
- Memperbanyakkan usaha-usaha kebajikan dan mencegah kemungkaran dalam masyarakat Islam.
- Melaksanakan usaha-usaha menambah harta MAIWP melalui pelaburan dan usaha-usaha halal yang lain bagi faedah umat.

## STRATEGI

- Menyediakan kemudahan pendidikan agama yang secukupnya bagi keperluan umat Islam.
- Menyediakan kemudahan tempat-tempat beribadat secukupnya bagi keperluan umat Islam.
- Meluas, meninggikan mutu perkhidmatan dan kebajikan agama.
- Memperluaskan kegiatan dakwah termasuk membantu dan memandu kegiatan badan-badan dakwah.
- Memperbanyak dan memajukan tanah-tanah wakaf.
- Mempertingkatkan kegiatan kutipan zakat.
- Menguatkuasakan segala aspek undang-undang pentadbiran agama Islam.
- Mempertingkatkan kegiatan ekonomi dalam bidang perniagaan, pembangunan dan pelaburan.

# CARTA ORGANISASI

- **SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG**
  - **MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN**
    - **JAWATANKUASA DIURUSETIAKAN OLEH AGENSI LAIN**
      - JAWATANKUASA FALAK SYARIE WILAYAH PERSEKUTUAN (PEJABAT MUFTI WILAYAH PERSEKUTUAN)
      - JAWATANKUASA PERUNDINGAN HUKUM SYARAK WILAYAH PERSEKUTUAN (PEJABAT MUFTI WILAYAH PERSEKUTUAN)
      - JAWATANKUASA PENGAWASAN PENGAJARAN AGAMA WILAYAH PERSEKUTUAN (PEJABAT MUFTI WILAYAH PERSEKUTUAN)
      - JAWATANKUASA PEGUAM SYARIE (MAHKAMAH SYARIAH WILAYAH PERSEKUTUAN)
      - JAWATANKUASA KAEDAH-KAEDAH MAHKAMAH SYARIAH WILAYAH PERSEKUTUAN (MAHKAMAH SYARIAH WILAYAH PERSEKUTUAN)
    - **JAWATANKUASA DIURUSETIAKAN OLEH MAIWP**
      - JAWATANKUASA BAITULMAL
      - JAWATANKUASA PENDIDIKAN DAN DAKWAH
      - JAWATANKUASA PEMBANGUNAN & PELABURAN
      - JAWATANKUASA WASIAT WAKAF DAN PUSAKA
      - JAWATANKUASA AUDIT DALAM
      - JAWATANKUASA DARUL KIFAYAH
      - JAWATANKUASA DAR ASSAADAH
      - JAWATANKUASA PENTADBIR PENASIHAT IKB
      - JAWATANKUASA UNDANG-UNDANG
      - JAWATANKUASA PENGELOLA SEKOLAH SMISTA
      - JAWATANKUASA PENGELOLA PERKEMBANGAN AWAL KANAK-KANAK
    - **PEJABAT KPE MAIWP**
      - BAHAGIAN BAITULMAL
      - BAHAGIAN PEMBANGUNAN INSAN
      - BAHAGIAN PEMBANGUNAN DAN PELABURAN
      - BAHAGIAN KEWANGAN
      - BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN
      - BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT & KOMUNIKASI
      - UNIT AUDIT DALAM
      - UNIT UNDANG-UNDANG
      - UNIT PERHUBUNGAN KORPORAT
      - MAIWP CAWANGAN LABUAN
      - MAIWP CAWANGAN PUTRAJAYA
    - **SYARIKAT & YAYASAN**
      - HOSPITAL PUSRAWI SDN. BHD.
      - HARTASUCI SDN. BHD. (PUSAT PUNGUTAN ZAKAT) PPZ-MAIWP
      - INSTITUT PROFESIONAL BAITULMAL SDN. BHD.
      - KOLEJ SAINS PERUBATAN ANTARABANGSA PUSRAWI SDN. BHD.
      - YAYASAN TAQWA WILAYAH PERSEKUTUAN
      - MAIWP DAGANG SDN. BHD
      - YAYASAN KESIHATAN MAIWP

# KEAHLIAN
## MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN
### SEHINGGA 31 DISEMBER 2014




**PENGERUSI**
**YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Haji Baharom (B)**
Menteri di Jabatan Perdana Menteri




**TIMBALAN PENGERUSI**
**YBhg. Dato' Haji Othman bin Mustapha**
**Ketua Pengarah**
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)

# KEAHLIAN
## MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN
### SEHINGGA 31 DISEMBER 2014

## EX-OFFICIO



**YBhg. Datuk Othman bin Haji Mahmood**
Timbalan Ketua Setiausaha Kanan
Jabatan Perdana Menteri
*Wakil Ketua Setiausaha Negara*



**YBhg. Tan Sri Abdul Gani bin Patail**
Peguam Negara Malaysia



**YDH DCP Datuk Seri Mohmad bin Salleh**
Ketua Polis Kuala Lumpur
*Wakil Ketua Polis Negara*



**Sahibul Samahah Datuk Dr. Zulkifli Al-Bakri bin Mohamad**
Mufti Wilayah Persekutuan



**YBhg. Datuk Seri Hj. Ahmad Phesal bin Talib**
Datuk Bandar Kuala Lumpur

# AHLI



**YBhg. Tan Sri Datuk Sheikh Ghazali bin Haji Abdul Rahman**
Penasihat Perundangan Syariah
Jabatan Peguam Negara



**YBhg. Dato' Haji Wan Mohamad bin Dato' Sheikh Abdul Aziz**
Mantan Ketua Pengarah
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)



**YBhg. Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok**
Mantan Ahli Dewan Negara



**YBhg. To' Puan Wan Asiah binti Ahmad**
Mantan Ahli Dewan Negara &
Aktivis Masyarakat



**YBhg. Dato' Haji Mohamad bin S. Ahmad**
Ahli Perniagaan



**YBhg. Datuk Haji Rizuan bin Ab Hamid**
Mantan Ahli Dewan Negara



**YBhg. Datuk Haji Abd Aziz @ Aziz bin Che Yacob**
Pegawai Agama Istana Negara



**YBhg. Dato' Haji Zainul Rijal bin Abu Bakar**
Peguambela & Peguamcara

# AHLI



**YBhg. Dato' Sri Zukri bin Samat**
Pengarah Urusan
Bank Islam Malaysia Berhad



**YBhg. Datuk Haji Yussof bin Haji Mahal**
Mantan Ahli Parlimen Labuan



**YBhg. Datuk Syed Mehdhar bin Syed Abdullah**
Ahli Perniagaan



**YBhg. Puan Hajjah Jamela binti Mohd Syed**
Mantan Timbalan Akauntan Negara (Korporat)
Jabatan Akauntan Negara



**YBhg. Ir. Dr. Haji Muhamad Fuad bin Abdullah**
Perunding Jurutera / Penasihat Syariah



**YBhg. Tuan Haji Abdullah bin Md. Din**
Pengarah Bahagian Pendidikan Islam
Kementerian Pelajaran Malaysia



**YBhg. Encik Shah Kirit bin Kakulal Govindji**
Ketua Pengarah Dakwah
Islamic Information & Services Foundation (IISF)

# SETIAUSAHA



**YBhg. Tuan Haji Paimuzi bin Yahya**
**Pengarah**
Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan

# KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF MAIWP

**YBhg. Datuk Haji Zainal Abidin bin Jaffar**
Ketua Pegawai Eksekutif
Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan







# PENYATA PENGERUSI

**YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Haji Baharom (B)**
Menteri di Jabatan Perdana Menteri, merangkap
Pengerusi Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan

# PENYATA PENGERUSI

Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) pada tahun 2014 telah menunjukkan prestasi yang membanggakan. Dengan matlamat untuk menjadi sebuah Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) yang menjadi contoh kepada MAIN yang lain, MAIWP kini dilihat semakin hampir dengan matlamat tersebut.

Pencapaian-pencapaian sepanjang tahun 2014 yang semakin baik berbanding tahun 2013 menjadi indikator bahawa MAIWP berada di landasan yang betul ke arah menjadi sebuah institusi yang unggul dalam membangunkan sosio ekonomi ummah.

Kekuatan dana kewangan merupakan antara faktor utama MAIWP mampu berada di tahapnya kini.



*Imarah Wakaf MAIWP*

## PRESTASI KEWANGAN

Sehingga akhir tahun 2014, MAIWP mencatat pendapatan kumpulan keseluruhan berjumlah RM732.16 juta. Pendapatan kumpulan merangkumi kutipan zakat, sewaan bangunan, keuntungan pelaburan, Yuran Pengajian, Upah Amil, Hasil Klinik, Farmasi, Wad dan Makmal dan lain-lain pendapatan.

Merujuk kepada Carta 1, sejak daripada tahun 2011, pendapatan dan perbelanjaan kumpulan MAIWP telah mencatatkan peningkatan.

Carta 1: Pendapatan Dan Perbelanjaan Kumpulan MAIWP 2011 – 2014



## PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN KUMPULAN

Sekiranya dibandingkan dengan tahun 2013, pendapatan kumpulan MAIWP meningkat sebanyak 10.5% daripada RM662.46 juta pada tahun 2013 kepada RM732.16 juta pada tahun 2014.

Jadual 1: Pecahan Pendapatan Kumpulan 2014

| Bil. | Pendapatan | Jumlah (RM) | Peratus (%) |
|---|---|---|---|
| 1. | Zakat | 538,580,526 | 73.56 |
| 2. | Sewaan | 3,068,957 | 0.42 |
| 3. | Keuntungan Pelaburan | 13,897,409 | 1.90 |
| 4. | Syarikat | 150,922,985 | 20.61 |
| 5. | Geran | 13,965,000 | 1.91 |
| 6. | Lain-lain Pendapatan | 11,728,541 | 1.6 |
| | **Jumlah** | **732,163,418** | **100%** |

Manakala bagi perbelanjaan kumpulan MAIWP pula, pada tahun 2014 berjumlah RM644.66 juta telah dibelanjakan.

Jadual 2: Pecahan Perbelanjaan Kumpulan 2014

| Bil. | Perbelanjaan | Jumlah (RM) | Peratus (%) |
|---|---|---|---|
| 1. | Pengagihan zakat | 355,739,104 | 55.18 |
| 2. | Penyelenggaraan Bangunan | 3,082,386 | 0.48 |
| 3. | Belian Inventori | 28,760,955 | 4.46 |
| 4. | Kos Tenaga Pengajar Dan Perunding Perubatan | 25,107,852 | 3.89 |
| 5. | Lain-lain perbelanjaan pentadbiran | 231,735,192 | 35.95 |
| 6. | Kos Kewangan | 236,378 | 0.04 |
| | **Jumlah** | **644,661,867** | **100%** |

## ASET BUKAN SEMASA KUMPULAN

Merujuk kepada Jadual 3, nilai buku bersih aset tetap Kumpulan MAIWP menunjukkan peningkatan iaitu daripada RM670.08 juta pada tahun 2013 kepada RM673.9 juta pada tahun 2014. Sebahagian besar peningkatan ini adalah disebabkan peningkatan pegangan terhadap tanah dan bangunan yang dibeli serta dibangunkan.

Jadual 3: Kedudukan Aset Bukan Semasa Kumpulan MAIWP Dari Tahun 2011- 2014

| Butiran | 2011 | 2012 | 2013 | 2014 |
|---|---|---|---|---|
| | RM (Juta) | RM (Juta) | RM (Juta) | RM (Juta) |
| Hartanah, Loji dan Peralatan | 490.14 | 522.86 | 670.08 | 673.9 |
| Harta dalam kemajuan | 92.26 | 134.91 | 46.40 | 63.07 |
| Pelaburan | 76.79 | 56.98 | 15.76 | 33.08 |
| Aset Tidak Ketara | - | - | 0.82 | 0.82 |

Pada tahun 2014, MAIWP telah melaksanakan banyak projek pembangunan bagi menambah aset bukan semasa di mana ia dapat dilihat pada perbelanjaan harta dalam kemajuan (Jadual 3). Perbelanjaan harta dalam kemajuan meningkat daripada RM46.4 juta pada tahun 2013 kepada RM63.07 juta pada tahun 2014 iaitu bagi projek pembangunan yang di dalam pembinaan di antaranya bangunan Kompleks Darul Kifayah, bangunan Darul Hidayah dan Masjid Alam Shah.

## ASET SEMASA DAN LIABILITI SEMASA KUMPULAN MAIWP

Manakala bagi aset semasa kumpulan MAIWP, ia meningkat daripada RM714.72 juta pada tahun 2013 kepada RM771.28 juta pada tahun 2014, iaitu peningkatan berjumlah RM56.57 juta.

Jadual 4: Kedudukan Aset Semasa Dan Liabiliti Semasa Kumpulan Dari Tahun 2011- 2014

| Butiran | 2011 | 2012 | 2013 | 2014 |
|---|---|---|---|---|
| | RM (Juta) | RM (Juta) | RM (Juta) | RM (Juta) |
| Aset Semasa | 474.6 | 546.68 | 714.72 | 771.28 |
| Liabiliti Semasa | 59.55 | 66.75 | 68.74 | 79.77 |
| Aset Bersih (Aset-Liabiliti) | 415.05 | 479.93 | 645.98 | 691.51 |

Merujuk kepada Jadual 4, terdapat peningkatan pada aset bersih kumpulan MAIWP sebanyak 7% atau RM45.53 juta iaitu daripada RM645.98 juta pada tahun 2013 kepada RM691.51 juta pada tahun 2014.

Kedudukan tunai dan kesetaraan tunai kumpulan MAIWP tahun 2014 meningkat kepada RM688.80 juta berbanding tahun 2013 sebanyak RM655.94 juta.

## PENARAFAN 4 BINTANG TAHUN KETIGA BERTURUT-TURUT



*YBhg. Tan Sri Ali Hamsa, Ketua Setiausaha Negara menyampaikan Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti bertaraf 4 Bintang kepada YBhg. Datuk Hj. Zainal Abidin bin Jaffar, Ketua Pegawai Eksekutif MAIWP (kanan)*

Pada tahun 2014, MAIWP telah berjaya mengekalkan pencapaian menerima penarafan 4 bintang bagi Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti Tahun 2013 daripada Jabatan Audit Negara buat tahun ketiga berturut-turut.

MAIWP sebelum ini mencatat sejarah apabila buat pertama kalinya mencapai kejayaan yang sama bagi Indeks Akauntabiliti Tahun 2011. Pencapaian ini membuktikan MAIWP sentiasa cekap dan memberi perhatian yang serius terhadap pematuhan peraturan dan prosedur aktiviti pengurusan kewangan.

## KUTIPAN DAN PENGGUNAAN DANA ZAKAT

Tahun 2014 menyaksikan jumlah kutipan zakat meningkat daripada RM401.23 juta pada tahun 2013 kepada RM538.58 juta, peningkatan sebanyak RM47.37 juta bersamaan 9.6%. Jumlah ini merangkumi jumlah kutipan zakat harta oleh PPZ-MAIWP (Carta 2) dan kutipan zakat fitrah (Carta 3) yang diuruskan sendiri oleh MAIWP. Peningkatan ini antaranya disumbangkan oleh faktor peningkatan kesedaran tanggungjawab berzakat di kalangan umat Islam selain peningkatan keyakinan terhadap program agihan yang dilaksanakan oleh MAIWP melalui program-program agihan yang proaktif dan menyeluruh.

**Carta 2: Statistik Kutipan Zakat oleh PPZ-MAIWP Dari Tahun 2011 - 2014**




Kutipan zakat fitrah yang diuruskan sendiri oleh MAIWP juga turut meningkat. Pada tahun 2014, sebanyak RM7.88 juta zakat fitrah telah dikutip sepanjang Ramadhan 1435H daripada 1,126,333 pembayar. Ianya meningkat sebanyak RM0.11 juta berbanding tahun 2013 sebanyak RM7.77 juta yang dikutip daripada 1,109,765 pembayar.

Carta 3: Statistik Kutipan Zakat Fitrah 2011 - 2014




MAIWP juga menerima pendapatan-pendapatan kumpulan wang zakat lain seperti sewaan, keuntungan pelaburan dan lain-lain pendapatan berjumlah RM36.2 juta menjadikan jumlah keseluruhan pendapatan Kumpulan Wang Zakat MAIWP pada tahun 2014 adalah sebanyak RM574.78 juta.

Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM542.31 juta dana zakat telah dibelanjakan seperti Jadual 5.

**Jadual 5: Pecahan Penggunaan Dana Zakat MAIWP 2014**

| Bil. | Perbelanjaan Zakat | Jumlah (RM) Juta | Peratus (%) |
|---|---|---|---|
| 1. | Agihan Zakat Secara Langsung | 419.22 | 77.3 |
| 2. | Belanja Pengurusan | 83.56 | 15.4 |
| 3. | Harta Modal | 8.91 | 1.6 |
| 4. | Projek pembangunan | 30.62 | 5.6 |
| | **Jumlah** | **542.31** | **100%** |

## WAKAF KORPORAT MAIWP



*Majlis Penyerahan Dokumen Wakaf Korporat dari Maybank Islamic kepada MAIWP*

Usaha MAIWP memperkenalkan wakaf korporat pada tahun 2013 telah mendapat sambutan daripada pelbagai pihak.

Pada 28 Oktober 2014, MAIWP telah menerima wakaf tunai korporat sebanyak RM20 juta daripada Maybank Islamic. Dengan adanya dana ini, usaha MAIWP untuk mempelbagaikan lagi projek-projek pembangunan wakaf dapat dipertingkatkan.

## SKUAD JEJAK ASNAF BAITULMAL MAIWP



*Aktiviti turun padang oleh Skuad Jejak ASNAF Baitulmal Maiwp*

Skuad Jejak Asnaf Baitulmal MAIWP yang mula dilancarkan oleh MAIWP pada tahun 2012 telah mendapat publisiti meluas di kalangan media. Penubuhan Skuad ini membuktikan bahawa MAIWP sentiasa proaktif dalam membantu mereka yang memerlukan melalui bantuan zakat. MAIWP sebaik mungkin cuba memastikan tiada asnaf yang tercicir daripada menerima bantuan zakat menerusi Skuad ini.

Sepanjang tahun 2014, Skuad ini telah turun padang menerusi 131 aktiviti dan hasil daripada itu, seramai 682 asnaf telah berjaya dikenalpasti.

Bagi memudahkan lagi orang ramai melaporkan tentang mereka yang dalam kesusahan dan memerlukan kepada Skuad Jejak Asnaf, MAIWP telah mewujudkan talian bebas tol 1-800-88-5222. Selain itu, dua talian hotline juga telah dibuka iaitu 012-5183614 dan 012-5127614.

## PEMBANGUNAN HARTANAH

Dengan kekuatan dana kewangan yang dimiliki, MAIWP telah melaksanakan beberapa projek pembangunan hartanah yang memberi manfaat kepada umat Islam. Projek-projek pembangunan ini sentiasa dipantau dengan rapi agar dilaksanakan secara cekap dan teratur.



*Surau Al-Khir yang dibina di Darul Khifayah*

Pada tahun 2014, projek MAIWP yang telah siap sepenuhnya adalah:

- Pembinaan Sekolah Rendah Agama (SRA) Hidayatul Mustaqimah di Lot 67768, Mukim Batu, Taman Beringin, Jinjang Utara, 52000 Kuala Lumpur dengan kos RM8.55 juta.

Beberapa projek lagi sedang dijalankan iaitu:

- Pembinaan baru dan menaiktaraf Kompleks Darul Kifayah sedia ada di Lot 52566, Mukim Batu, Jalan 36/10, Taman Koperasi Polis Fasa II, 68100 Kuala Lumpur dengan kos RM25.37 juta.

- Pembangunan yang mengandungi 1 blok bangunan Pusat Lindungan dan Bimbingan Saudara Muslim (Darul Hidayah) di Lot 6659, Mukim Setapak, Jalan Sentul, 51200 Kuala Lumpur dengan kos RM24.98 juta.

- Pembinaan semula dan menaiktaraf Masjid Jamek Alam Shah di Lot 60, Mukim Bandar Kuala Lumpur, Jalan Tun Razak, Off Jalan Pasar, 55100 Kuala Lumpur dengan kos pembinaan RM15.13 juta.

- Pembangunan Kompleks Anak Yatim Darul Kifayah, Cawangan Labuan di atas Lot 7903, Jalan Tanjung Taras, Wilayah Persekutuan Labuan dengan kos pembinaan sebanyak RM25.95 juta.

Pada tahun 2014 juga, MAIWP telah meluluskan peruntukan untuk pembinaan baru dan baikpulih masjid / surau di sekitar Wilayah Persekutuan sebanyak RM75.38 juta.

## TUMPUAN MASA HADAPAN

Aktiviti agihan zakat yang menjadi teras utama MAIWP akan terus ditambahbaik agar golongan asnaf dapat disantuni sebaik mungkin. Pembukaan Pusat Agihan Zakat (PAZA) mengikut kawasan Parlimen di Wilayah Persekutuan merupakan satu usaha yang telah diambil ke arah mempermudahkan lagi pemohon bantuan zakat. MAIWP mensasarkan proses kelulusan bantuan zakat akan dapat dipercepatkan lagi dengan penelitian semula pada prosedur sedia ada.

Usahasama di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan akan terus diberi tumpuan. MAIWP akan sedia bekerjasama dengan mana-mana jabatan baik kerajaan atau swasta dalam menyediakan prasarana dan kemudahan untuk manfaat rakyat. Menerusi kerjasama ini juga, masyarakat dapat melihat bagaimana dana zakat telah dibelanjakan melalui pelbagai cara dan kaedah untuk kebaikan ummah.

Selari dengan peningkatan beban tugas dan keperluan tenaga kerja, sudah tiba masanya MAIWP menambah bilangan perjawatan dan menaiktaraf perjawatan sedia ada. Ini adalah bagi membolehkan MAIWP menunaikan tanggungjawabnya dengan lebih cekap ke arah menjadi sebuah agensi Islam contoh.



*Bangunan kuarters di Darul Kifayah*

# PENGHARGAAN

Di bawah naungan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Almu'tasimu Billahi Muhibbuddin Tuanku Al-Haj Abdul Halim Mu'adzam Shah ibni Almarhum Sultan Badlishah, MAIWP akan terus memikul amanah membangunkan sosio ekonomi ummah sebaik mungkin.

Ucapan penghargaan dan jutaan terima kasih kepada Ahli-ahli MAIWP dan ahli-ahli jawatankuasa di MAIWP yang telah mencurahkan idea dan tenaga bagi memastikan MAIWP sentiasa berada di landasan yang betul dalam agenda pembangunan ummah ini.

Tidak lupa juga kepada para pembayar zakat yang terus menunaikan kewajipan berzakat di Wilayah Persekutuan, agensi-agensi kerajaan, swasta, badan bukan kerajaan dan semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak dalam memastikan kecemerlangan MAIWP meningkatkan sosio ekonomi ummah.

Semoga apa yang telah, sedang dan akan dilaksanakan mendapat rahmat serta keredhaan oleh-Nya.

Sekian.

**MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B)**
Menteri di Jabatan Perdana Menteri
merangkap Pengerusi
Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP)





# LAPORAN OPERASI PROGRAM UTAMA

**YBhg. Datuk Haji Zainal Abidin bin Jaffar**
Ketua Pegawai Eksekutif MAIWP

# LAPORAN OPERASI PROGRAM UTAMA




*Pelancaran kenderaan rasmi Skuad Mesra Pembayar Zakat PPZ*

Tahun 2014 menyaksikan pelbagai usaha proaktif telah dilaksanakan oleh MAIWP dalam membangunkan sosio ekonomi ummah. Pelbagai kesinambungan program dan aktiviti yang menjadi permintaan dan keperluan semasa ummah telah dilaksanakan menjadikan kehadiran MAIWP lebih dirasai. Operasi MAIWP dapat dibahagikan kepada dua iaitu operasi Program Utama dan operasi Program Pengurusan.

## PROGRAM UTAMA 1: AGIHAN ZAKAT

Program agihan zakat merupakan program utama MAIWP. Kutipan zakat harta di Wilayah Persekutuan diuruskan oleh MAIWP melalui Pusat Pungutan Zakat MAIWP manakala kutipan zakat fitrah diuruskan sendiri oleh MAIWP.

Kutipan tersebut kemudiannya diagihkan oleh MAIWP kepada golongan asnaf yang ditetapkan. MAIWP berusaha menunaikan amanah para pembayar zakat dengan melaksanakan pelbagai program agihan agar zakat dapat disalurkan secara optimum kepada golongan sasar.

Pada tahun 2014, MAIWP telah membelanjakan zakat sebanyak RM542.31 juta.

**Jadual 6: Perbelanjaan Zakat Dari Tahun 2012 -2014**

| Bil. | Perbelanjaan | Tahun | | |
|---|---|---|---|---|
| | | 2012 (RM) | 2013 (RM) | 2014 (RM) |
| 1. | Agihan | 271,967,597 | 328,394,455 | 419,225,908 |
| 2. | Mengurus | 38,925,891 | 68,122,796 | 83,563,058 |
| 3. | Harta Dalam Kemajuan | 75,050,893 | 38,129,387 | 30,619,263 |
| 4. | Pembelian Harta | 2,118,922 | 795,637 | 8,901,597 |
| **Jumlah** | | **388,063,303** | **435,442,275** | **542,309,826** |

Perbelanjaan agihan sebanyak RM419.2 juta atau 80.5% daripada keseluruhan perbelanjaan zakat merupakan perbelanjaan yang dibuat menerusi 28 skim agihan zakat di Baitulmal MAIWP dan perbelanjaan melalui institusi-institusi MAIWP seperti Institut Kemahiran Baitulmal, Darul Hannan, Tadika Islam, Darul Kifayah, SMISTA dan agihan semula oleh pihak ke-3 seperti di Jadual 7.

**Jadual 7: Perbelanjaan Agihan Zakat 2014**

| Bil. | Aktiviti Agihan | Jumlah Agihan (RM) |
|---|---|---|
| 1. | Agihan zakat menerusi skim-skim bantuan | 338,953,962 |
| 2. | Upah amil PPZ-MAIWP | 33,922,866 |
| 3. | Aktiviti Tadika- tadika Islam | 3,654,439 |
| 4. | Aktiviti Institut Kemahiran Baitulmal | 2,420,967 |
| 5. | Aktiviti Darul Kifayah | 1,299,260 |
| 6. | Aktiviti Sekolah Menengah Integrasi Sains Tahfiz | 1,029,451 |
| 7. | Agihan semula zakat oleh pihak ke-3 | 37,869,247 |
| 8. | Aktiviti Darul Hannan | 75,716 |
| **JUMLAH** | | **419,225,908** |

Selain itu, MAIWP juga mewakilkan pengagihan zakat kepada pihak ketiga iaitu pembayar yang terdiri daripada syarikat korporat, individu dan institusi pengajian tinggi melalui prinsip wakalah dalam usaha meningkatkan liputan pengagihan di luar dan dalam Wilayah Persekutuan. Pada tahun 2014, MAIWP telah mewakilkan zakat sebanyak RM37.87 juta kepada pihak pembayar untuk diagihkan kepada asnaf.

Perbelanjaan mengurus adalah merupakan perbelanjaan bagi menampung kos pengurusan di MAIWP di mana pada tahun 2014, sebanyak RM61.03 juta atau 11.7% digunakan bagi perbelanjaan pengurusan seperti bayaran gaji, penyelenggaraan, sewaan bangunan dan utiliti.

MAIWP turut memanfaatkan wang zakat bagi pembinaan atau penyediaan prasarana yang memberi faedah besar kepada ummah untuk jangka masa yang panjang. Pada tahun 2014, sebanyak RM30.62 juta atau 5.9% digunakan bagi kos menaiktaraf Kompleks Darul Kifayah dan projek pembinaan Darul Hidayah. Selain itu, perbelanjaan turut dibuat bagi pembinaan Kompleks Dewan Serbaguna Mukim Batu, menaiktaraf Tadika-tadika Islam dan pembinaan Masjid Alam Shah yang baru.

Sebanyak RM8.9 juta atau 1.7% digunakan bagi tujuan pembelian harta atau aset di MAIWP.



*Pembinaan Pusat Perlindungan dan Bimbingan Darul Hidayah*

# AGIHAN ZAKAT MENERUSI SKIM BANTUAN

Daripada Jadual 7, sebanyak RM338.95 juta zakat telah dibelanjakan menerusi skim-skim bantuan zakat di Baitulmal MAIWP.

Skim-skim bantuan ini dipecahkan kepada 4 kategori agihan merangkumi Aktiviti Pembangunan Sosial, Aktiviti Pembangunan Ekonomi, Aktiviti Pembangunan Pendidikan dan Aktiviti Kebajikan & Dakwah.

## Aktiviti 1.1: Pembangunan Sosial

Aktiviti pembangunan sosial menekankan bantuan bagi meringankan beban asnaf dalam memenuhi keperluan asasi. Ianya dilaksanakan antaranya menerusi :

### 1.1.1 Bantuan Kewangan Bulanan



*Asnaf Bantuan Kewangan Bulanan menerima barangan keperluan harian daripada KPE MAIWP.*

Skim Bantuan Kewangan Bulanan bertujuan membantu ketua keluarga yang layak untuk menampung perbelanjaan keperluan asasi.

Pada tahun 2014, kadar maksima bantuan telah dinaikkan kepada RM700.00 berbanding RM500.00 pada tahun 2013. Peningkatan kadar bantuan ini telah memberi kesan kepada kenaikan agihan di bawah Skim Bantuan Kewangan Bulanan pada tahun 2014 ini. Selain itu juga, penambahbaikan Had Kifayah turut memberi kesan kepada peningkatan jumlah asnaf yang layak dibantu di bawah Skim Bantuan ini iaitu seramai 23,824 berbanding 20,050 orang pada tahun 2013. Ianya melibatkan jumlah perbelanjaan sebanyak RM85.44 juta, meningkat berbanding RM72.32 juta pada tahun 2013.

**Carta 4: Jumlah Agihan Bantuan Kewangan Bulanan Dari Tahun 2011 - 2014**




**Carta 5: Bilangan Penerima Bantuan Kewangan Bulanan Dari Tahun 2011 - 2014**




Peningkatan ini dilihat disebabkan oleh faktor-faktor berikut:

- Tahap kebergantungan yang tinggi kepada bantuan semata-mata oleh golongan warga emas / uzur / sebatang kara.
- Kemampuan MAIWP untuk mengenalpasti lebih ramai mereka yang layak dan belum menerima bantuan menerusi beberapa program seperti program turun padang dan kerjasama MAIWP dengan beberapa agensi kerajaan lain seperti Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan (ICU), JPM.
- Pertambahan ahli keluarga dan peningkatan kos sara hidup

Bantuan ini disalurkan kepada asnaf fakir, miskin dan muallaf. Penentuan kategori asnaf fakir dan miskin adalah menggunakan pengiraan Had al-kifayah yang mengambil kira pendapatan isi rumah dan perbelanjaan bagi keperluan asasi pemohon dan tanggungan.

### 1.1.2 Bantuan Tempat Tinggal



*Rumah yang dibina oleh Baitulmal MAIWP.*

Dalam usaha MAIWP membantu masyarakat menjalani kehidupan dengan baik dan sempurna, Bantuan Tempat Tinggal turut disediakan kepada mereka yang layak.

Antara bantuan yang disediakan adalah Bantuan Deposit Sewa Rumah dan Sewa Rumah Bulanan. Kadar maksimum Bantuan Sewaan yang diberikan adalah sehingga RM500.00 sebulan bergantung kepada sewa yang dibayar oleh penerima bantuan. Pada tahun 2014, sebanyak RM5.48 juta telah disalurkan kepada 2,940 penerima.

**Carta 6: Jumlah Agihan Bantuan Sewa Rumah Dari Tahun 2011 - 2014**




**Carta 7: Bilangan Penerima Bantuan Sewa Rumah Dari Tahun 2011 - 2014**




Selain bantuan sewa rumah, MAIWP juga turut menyediakan bantuan membina/ membaiki rumah dan deposit pembelian rumah asnaf. Bagi bantuan membaiki rumah, kadar maksimum bantuan yang disalurkan adalah RM22,500.00. Manakala bantuan bina rumah adalah RM55,000. Deposit pembelian rumah kos rendah pula adalah tidak melebihi 10% daripada harga rumah kos rendah.

Pada tahun 2014, MAIWP telah meluluskan sebanyak 121 permohonan bina/baiki rumah dan deposit pembelian rumah kos rendah dengan keseluruhan kos berjumlah RM1.58 juta.

**Carta 8: Jumlah Agihan Bantuan Membina/ Membaiki Rumah Dan Deposit Pembelian Rumah Kos Rendah Dari Tahun 2011 - 2014**




**Carta 9: Bilangan Penerima Bantuan Membina/ Membaiki Rumah Dan Deposit Pembelian Rumah Kos Rendah Dari Tahun 2011 - 2014**




Jumlah perbelanjaan pada tahun 2014 didapati bertambah sebanyak RM0.72 juta berbanding tahun 2013. Peningkatan kos bagi tahun 2014 adalah disebabkan penambahan kelulusan dari MAIWP cawangan Labuan yang melibatkan 107 orang penerima bagi bantuan tersebut.

### 1.1.3 Bantuan Perubatan



*Bantuan Rawatan Hemodialisis*

Bantuan Perubatan yang disediakan jelas menunjukkan komitmen MAIWP dalam membantu meringankan beban asnaf yang menghidapi masalah kesihatan. Bantuan ini membantu asnaf yang tidak berkemampuan mendapatkan rawatan dari mana-mana hospital Kerajaan. Bantuan ini diberikan kepada asnaf fakir, miskin, muallaf dan fisabilillah dalam tiga bentuk iaitu bantuan perubatan am (pembedahan dan ubatan), bantuan peralatan kesihatan dan bantuan rawatan hemodialisis.

Pada tahun 2014, sebanyak RM18.07 juta Bantuan Perubatan telah diberikan kepada seramai 2,604 orang penerima di mana RM9.69 juta dari jumlah tersebut adalah bagi membiayai kos rawatan hemodialisis asnaf.

**Carta 10: Jumlah Agihan Bantuan Perubatan Dari Tahun 2011 – 2014**




**Carta 11: Bilangan Penerima Bantuan Perubatan Dari Tahun 2011 – 2014**




Bantuan rawatan hemodialisis membantu asnaf yang mengidap penyakit buah pinggang. Pesakit-pesakit ini perlu menjalani rawatan tersebut sebanyak 13 kali sebulan bagi meneruskan kelangsungan hidup. Bagi bantuan ini, MAIWP menampung kos rawatan seorang pesakit antara RM2,000 hingga RM3,000 sebulan dan pesakit yang menerima bantuan ini mendapat rawatan di 23 buah klinik panel dialisis yang dilantik oleh MAIWP. Kos bagi sekali rawatan adalah RM150 bagi rawatan cucian darah dan RM80 bagi suntikan Eprex.



*Sumbangan ke Hospital-hospital*

Selain bantuan kepada pesakit, MAIWP juga menyalurkan bantuan kepada tabung-tabung kebajikan di beberapa buah hospital Kerajaan seperti Hospital Kuala Lumpur (HKL), Hospital Putrajaya, Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) dan Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (PPUKM). Melalui sumbangan tersebut, hospital-hospital tersebut dapat membantu pesakit yang tidak berkemampuan untuk menjelaskan bil rawatan, menyediakan peralatan kesihatan dan sebagainya yang bersesuaian dengan keperluan pesakit tersebut. HKL, PPUKM dan PPUM masing-masing menerima sumbangan berjumlah RM300,000 manakala Hospital Putrajaya menerima RM100,000.

### 1.1.4 Bantuan Menyelesaikan Hutang (Al-Gharimin)

Bantuan ini diberikan kepada asnaf al-Gharimin iaitu mereka yang mempunyai tanggungan hutang bagi memenuhi keperluan asasi seperti makanan, kesihatan, perlindungan, pembelajaran dan pakaian.

Namun, dana zakat tidak boleh digunakan bagi melunaskan hutang pinjaman seperti pinjaman peribadi, kad kredit, pembelian rumah dan sebagainya.

Berdasarkan rekod, kebanyakan penerima terdiri daripada mereka yang mempunyai tunggakan hutang berkaitan bayaran utiliti tempat kediaman dan sewa rumah. Pada tahun 2014, sebanyak 1,990 permohonan telah diluluskan dengan bantuan berjumlah RM4.9 juta.

**Carta 12: Jumlah Agihan Bantuan Menyelesaikan Hutang Dari Tahun 2011 - 2014**




**Carta 13: Bilangan Penerima Bantuan Menyelesaikan Hutang Dari Tahun 2011 - 2014**




Pada kebiasaannya, penerima Bantuan Menyelesaikan Hutang bagi pembayaran sewa rumah tertunggak akan dibantu dengan Bantuan Sewa Rumah Bulanan sekiranya layak. Ini bagi mengelakkan permohonan berulang pada kategori hutang yang sama pada setiap tahun. Menerusi Bantuan Sewa Rumah Bulanan, MAIWP akan menampung sebahagian kadar sewa manakala sebahagian lagi perlu dibayar sendiri oleh penerima.

Pada tahun 2014, jumlah bantuan yang diagihkan melalui Skim ini meningkat berbanding tahun 2013. Salah satu faktor kepada peningkatan ini adalah kerana promosi berterusan kepada asnaf yang layak untuk memohon bantuan ini.

## Aktiviti 1.2 : Pembangunan Ekonomi

Bantuan-bantuan yang dikategorikan di bawah aktiviti pembangunan ekonomi memberi peluang kepada asnaf yang proaktif, berminat dan berkelayakan untuk menaikkan taraf hidup dengan menjana pendapatan melalui bidang perniagaan atau keusahawanan. Bantuan ini dilihat mampu memberi impak dalam mengeluarkan mereka daripada kemiskinan. Ia dilaksanakan antaranya menerusi:

### 1.2.1 Bantuan Perniagaan



*Penerima Bantuan Perniagaan mengikuti Kursus Asas Perniagaan dan Pengurusan Kewangan.*

Bantuan ini membantu peniaga-peniaga yang telah memulakan perniagaan secara kecil-kecilan di mana ianya diberikan kepada peniaga yang tergolong dalam asnaf fakir, miskin dan muallaf. Bidang perniagaan yang dibantu terdiri daripada bidang peruncitan, perusahaan makanan, restoran, jahitan, bengkel dan kraftangan. Jumlah maksimum Bantuan di bawah Skim ini juga telah ditambahbaik dan dinaikkan sehingga RM30,000.00 yang diberikan samada dalam bentuk modal tambahan atau peralatan perniagaan.

Antara peralatan perniagaan yang diberikan adalah mesin jahit, peti sejuk beku, peralatan memasak, mesin basuh kedai dobi dan beberapa jenis peralatan yang sesuai dengan permohonan asnaf. Dengan bantuan yang diberikan ini, mereka dapat mengembangkan lagi perniagaan dan menjana pendapatan yang lebih tinggi.

Pada tahun 2014, MAIWP telah membelanjakan RM6.16 juta bagi bantuan ini dengan jumlah penerima seramai 1,974 orang.

**Carta 14: Jumlah Agihan Bantuan Perniagaan Dari Tahun 2011 - 2014**




**Carta 15: Bilangan Penerima Bantuan Perniagaan Dari Tahun 2011 - 2014**




Jumlah bantuan ini meningkat pada tahun 2014 kerana pertambahan bilangan penerima bantuan berbanding pada tahun sebelumnya.

### 1.2.2 Deposit Sewa Beli Teksi



*Bantuan Deposit sewa Beli Teksi*

Bagi membantu pemandu teksi memiliki teksi sendiri, MAIWP menyalurkan bantuan berjumlah RM5,000 bagi pembayaran deposit untuk membeli teksi.

Pada tahun 2014, sebanyak RM0.8 juta telah disalurkan melalui bantuan ini kepada seramai 178 orang pemandu teksi. Jumlah agihan di bawah skim ini dilihat menurun berbanding tahun 2014. Faktor penurunan antaranya adalah disebabkan syarat pemberian bantuan bagi Skim Bantuan ini telah diperketatkan melalui proses permohonan awal hingga ke siasatan syarikat pembekal teksi iaitu:

- Sebelum sebarang kelulusan diberi, pemohon perlu melampirkan surat jaminan stok teksi bagi memastikan tiada isu ketiadaan stok apabila kelulusan telah dibuat.
- Mewajibkan semua pemohon supaya melampirkan bukti pemanduan (Kad Pemandu SPAD) bagi membuktikan pemohon memiliki pengalaman memandu teksi yang sah.
- Ketiadaan stok teksi oleh pembekal kereta kepada syarikat-syarikat.

**Carta 16: Jumlah Agihan Bantuan Deposit Sewa Beli Teksi Dari Tahun 2011 - 2014**




**Carta 17: Bilangan Penerima Bantuan Deposit Sewa Beli Teksi Dari Tahun 2011 - 2014**



## Aktiviti 1.3 : Pembangunan Pendidikan

Pendidikan merupakan mekanisma penting dalam melahirkan generasi yang bebas daripada kemiskinan. Kesedaran mengenai kepentingan pendidikan bukan sahaja diterapkan kepada ibu bapa, tetapi juga di kalangan anak-anak asnaf.

Bantuan-bantuan yang dikategorikan di bawah program ini membuka peluang kepada anak-anak asnaf untuk belajar ke peringkat lebih tinggi. Bantuan diberikan bermula daripada peringkat sekolah sehingga peringkat pengajian tinggi. Skim-skim bantuan di bawah program ini antaranya adalah:

### 1.3.1 Peringkat Sekolah



*Bantuan Peralatan dan Pakaian Sekolah*

Pelajar-pelajar di peringkat sekolah rendah dan menengah menerima Bantuan Am Persekolahan. Ia disalurkan kepada para pelajar yang berkenaan melalui guru-guru yang dipertanggungjawabkan di sesebuah sekolah. Kadar bantuan tahunan yang diberikan kepada para pelajar adalah seperti berikut:

| | | |
|---|---|---|
| i. | Darjah 1 hingga 3 | : RM420.00 |
| ii. | Darjah 4 hingga 6 | : RM540.00 |
| iii. | Tingkatan 1 hingga 3 | : RM600.00 |
| iv. | Tingkatan 4 hingga 5 | : RM900.00 |
| v. | Tingkatan 6 | : RM1,200.00 |
| vi. | Kelas Khas | : RM600.00 |
| vii. | Sek. Ren. Agama /KAFA | : tambahan RM200.00 |

Bantuan yang disalurkan kepada pelajar-pelajar ini akan digunakan bagi membayar yuran persekolahan dan keperluan pelajaran. Melalui bantuan ini, beban ibu bapa dalam menanggung kos pembelajaran anak-anak akan dapat dikurangkan dan dapat digunakan bagi tujuan-tujuan lain yang lebih mendesak.

Bantuan ini juga mengelakkan anak-anak daripada tidak dapat bersekolah akibat kesempitan hidup keluarga. Bantuan yang diberikan dapat memastikan anak-anak keluarga yang kurang berkemampuan ini mendapat peluang pendidikan yang sama dengan anak-anak dari keluarga yang lain.

Pada tahun 2014, seramai 21,846 orang pelajar menerima bantuan ini dengan jumlah keseluruhan bantuan sebanyak RM14.39 juta.

**Carta 18: Jumlah Agihan Bantuan Am Persekolahan Dari Tahun 2011 – 2014**




**Carta 19: Bilangan Penerima Bantuan Am Persekolahan Dari Tahun 2011 - 2014**




Kos perbelanjaan bagi persekolahan anak-anak meningkat pada permulaan sesi persekolahan. Pada waktu ini, ibu bapa perlu menyediakan uniform sekolah dan keperluan-keperluan lain pelajaran seperti beg sekolah, alat tulis, pakaian sukan dan sebagainya.

Oleh itu, MAIWP telah mengambil inisiatif untuk mengurangkan beban ibu bapa ini dengan menyediakan Bantuan Peralatan Persekolahan. Melalui bantuan ini, para pelajar berkenaan akan menerima dua pasang uniform sekolah termasuk kasut, pakaian sukan, beg sekolah dan alat tulis. Nilai bantuan yang diberikan bernilai hampir RM250

manakala bagi pelajar yang mengikuti kelas SRA/ KAFA, tambahan 2 pasang pakaian sekolah beserta songkok dan samping atau tudung diberikan dengan jumlah Peruntukan RM130 setiap seorang.

Pada tahun 2014, MAIWP telah membelanjakan keseluruhan RM5.1 juta bagi bantuan ini dengan jumlah penerima seramai 22,732 orang.

Selain Bantuan ini, Bantuan Persediaan Sekolah turut ditawarkan kepada anak-anak asnaf bagi keperluan pendaftaran pelajar terutamanya yang menerima tawaran menyambung pelajaran di sekolah berasrama penuh. Jumlah bantuan yang diberikan adalah berjumlah RM500.00 setiap seorang.

Pada tahun 2014, seramai 48 orang pelajar telah menerima Bantuan Persediaan Sekolah ini dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM23,500.00.

**Jadual 8: Jumlah Agihan Bantuan Persediaan Sekolah Dari Tahun 2011 - 2014**

| Tahun | 2011 | 2012 | 2013 | 2014 |
|---|---|---|---|---|
| Bilangan Pelajar | 3 | 21 | 25 | 48 |
| Jumlah Agihan | 1,500.00 | 10,200.00 | 12,500.00 | 23,500.00 |

### 1.3.2 Peringkat Pengajian Tinggi

Bagi pelajar-pelajar yang menyambung pengajian ke peringkat lebih tinggi sama ada di peringkat Sijil, Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Ijazah Sarjana dan Kedoktoran, MAIWP menyediakan dua bantuan iaitu Bantuan Am Pelajaran dan Biasiswa Baitulmal MAIWP.

Bantuan Am Pelajaran Dalam Negara memperuntukkan sebanyak:

- Maksimum RM6,000 setahun kepada pelajar peringkat Ijazah Falsafah Kedoktoran (PhD) dan Sarjana
- Maksimum RM5,000 setahun kepada pelajar peringkat Sarjana Muda
- Maksimum RM3,500 setahun bagi pelajar peringkat Diploma dan
- Maksimum RM2,000 setahun bagi pelajar peringkat Sijil.

Bantuan Am Pelajaran Luar Negara pula memperuntukkan sebanyak:

- Maksimum RM7,000 setahun kepada pelajar peringkat Ijazah Lanjutan Kedoktoran (PhD) dan Sarjana (universiti di semua negara)
- Maksimum RM7,000 setahun kepada pelajar peringkat Sarjana Muda (universiti di semua negara melainkan Universiti di Mesir hanya dalam bidang Perubatan / Pergigian sahaja)
- Maksimum RM5,000 setahun kepada pelajar peringkat Sarjana Muda (universiti di Mesir hanya dalam bidang Pengajian Islam sahaja)

Pada tahun 2014, MAIWP telah membelanjakan RM29 juta bagi bantuan ini kepada seramai 9,085 orang pelajar dalam dan luar negara.

**Carta 20: Jumlah Agihan Bantuan Am Pelajaran IPT Dari Tahun 2011 – 2014**




**Carta 21: Bilangan Penerima Bantuan Am Pelajaran IPT Dari Tahun 2011 – 2014**




Selain Bantuan Am Pelajaran, MAIWP turut menaja pelajar-pelajar cemerlang menerusi Biasiswa Baitulmal MAIWP. Melalui bantuan ini kos pengajian, penginapan dan elaun sara hidup sepanjang pengajian bagi setiap pelajar akan ditanggung oleh MAIWP.

Pada tahun 2014, MAIWP menaja seramai 329 orang pelajar yang sedang mengikuti pelbagai bidang pengajian di universiti tempatan dan luar negara. Daripada jumlah itu, seramai 92 penuntut universiti luar negara dan 237 lagi merupakan penuntut di universiti tempatan dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM6.7 juta untuk tahun 2014. Jumlah perbelanjaan ini meningkat disebabkan kos pengajian lebih tinggi bagi bidang pengajian perubatan dan pengajian Islam di tanahair berbanding di Mesir bagi pelajar tajaan yang memilih untuk menyambung pengajian di Malaysia akibat pergolakan di Mesir.

Selain itu juga terdapat peningkatan dalam permohonan Bantuan Insentif Khas Pelajar Cemerlang bagi pengajian dalam negara berbanding tahun 2013.

### 1.3.3 Bantuan Persediaan IPT



*Antara pelajar yang menerima Bantuan Persediaan IPT.*

Skim Bantuan Persediaan IPT diperkenalkan bertujuan membantu pelajar-pelajar yang menghadapi masalah kewangan untuk menyambung pengajian ke peringkat lebih tinggi.

Mereka yang boleh memohon bantuan ini adalah pelajar yang mendapat tawaran menyambung pengajian di institusi pengajian tinggi dan pelajar sekolah rendah/ menengah yang ditawarkan menyambung pengajian di sekolah berasrama penuh. Kadar bantuan maksimum yang diberikan adalah RM1,000 bagi institusi pengajian tinggi dan RM500 bagi pelajar sekolah rendah/ menengah. Mereka yang mendapat bantuan ini hanya layak menerima sekali sahaja bantuan bagi setiap pengajian.

Pada tahun 2014, sebanyak RM3 juta telah disalurkan kepada seramai 3,024 orang pelajar melalui Bantuan Persediaan IPT.

**Carta 22: Jumlah Agihan Bantuan Persediaan IPT Dari Tahun 2011 - 2014**




**Carta 23: Bilangan Penerima Bantuan Persediaan IPT Dari Tahun 2011 - 2014**




## Aktiviti 1.4 : Program Kebajikan dan Dakwah

Skim-skim bantuan di bawah aktiviti ini menjurus kepada bantuan bagi membantu perkara-perkara yang menjadi kebajikan asnaf dan menggalakkan aktiviti dakwah kepada pelbagai kelompok umat Islam. Skim-skim bantuan di bawah program ini antaranya adalah:




*Penerima Skim Bantuan Galakan Hafaz al-Quran.*

### 1.4.1 Bantuan Galakan Hafaz Al-Quran

MAIWP mengambil inisiatif memperkenalkan Skim Bantuan Galakan Hafaz Al-Quran bertujuan memberi galakan kepada umat Islam untuk menghafaz Al-Quran. Pada tahun 2014, MAIWP telah menyalurkan bantuan berjumlah RM1.29 juta kepada seramai 297 orang yang telah berjaya menghafaz Al-Quran berdasarkan bilangan juzu' yang ditetapkan. Melalui bantuan ini, MAIWP berharap bilangan penghafaz Al-Quran khususnya di Wilayah Persekutuan akan bertambah seterusnya dapat membantu memelihara kesucian dan memartabatkan Al-Quran.

Bantuan diberikan mengikut jumlah juzu' yang berjaya dihafal seperti berikut:

**Jadual 9: Kadar Bantuan Galakan Hafaz Al-Quran Setahun Mengikut Bilangan Juzu' Yang Dihafaz**

| Juzu' | Kadar / Tahun (RM) |
|---|---|
| 5 Juzu' (Juzu' 1 hingga Juzu' 5) | RM 1,250 |
| 10 juzu' (Juzu' 1 hingga Juzu' 10) | RM 2,500 |
| 20 juzu' (Juzu' 1 hingga Juzu' 20) | RM 5,000 |
| 30 juzu' (Juzu' 1 hingga Juzu' 30) | RM 7,500 |

**Jadual 10: Bilangan Penerima Bantuan Galakan Hafaz Al-Quran Setahun Mengikut Bilangan Juzu' Yang Dihafaz Pada Tahun 2014**

| Juzu' | Jumlah Penerima | Jumlah (RM) |
|---|---|---|
| 5 Juzu' (Juzu' 1 - Juzu' 5) | 77 | 96,250.00 |
| 10 juzu' (Juzu' 1 - Juzu' 10) | 67 | 167,500.00 |
| 20 juzu' (Juzu' 1 - Juzu' 20) | 46 | 230,000.00 |
| 30 juzu' (Juzu' 1 - Juzu' 30) | 107 | 802,500.00 |
| **Jumlah** | **297** | **1,296,250,00** |

**Carta 24: Jumlah Agihan Bantuan Galakan Hafaz Al-Quran Dari Tahun 2011 – 2014**




**Carta 25: Bilangan Penerima Bantuan Galakan Hafaz Al-Quran Dari Tahun 2011 – 2014**




### 1.4.2 Bantuan Musibah



*Antara Penerima Bantuan Musibah dari MAIWP.*

Bantuan ini membantu meringankan beban mangsa yang ditimpa musibah seperti ribut, kecurian, kemalangan jiwa, kebakaran, banjir dan tanah runtuh. Bantuan diberikan dalam bentuk wang tunai antara RM1,000 hingga RM3,000 bagi setiap keluarga beserta kit kecemasan yang bernilai hampir RM200 yang mengandungi pakaian solat, makanan dan lain-lain keperluan harian. Pada tahun 2014, bantuan ini telah diberikan kepada 775 penerima melibatkan perbelanjaan berjumlah RM1.43 juta.

**Carta 26: Jumlah Agihan Bantuan Musibah Dari Tahun 2011- 2014**



**Carta 27: Bilangan Penerima Bantuan Musibah Dari Tahun 2011- 2014**




### 1.4.3 Bantuan Kepada NGO, Institusi Agama dan Pendidikan

MAIWP turut menyalurkan bantuan kepada Badan-badan Bukan Kerajaan (NGO), institusi agama dan institusi pendidikan di Wilayah Persekutuan yang menjalankan aktiviti dakwah dan kebajikan. Institusi agama terdiri daripada masjid dan surau di Wilayah Persekutuan dan bantuan diberikan bagi membolehkan mereka mengadakan program-program pengimarahan sepanjang tahun. Manakala bantuan kepada institusi pendidikan membantu sekolah, kolej atau universiti menganjurkan program-program seperti sambutan hari-hari kebesaran Islam, khemah ibadah, program motivasi, bengkel peperiksaan dan seminar keagamaan.

Bantuan tersebut merupakan salah satu tanda sokongan MAIWP kepada usaha-usaha yang diambil oleh badan-badan tersebut dalam menyebarkan dakwah kepada pelbagai kelompok dalam masyarakat. Pada tahun 2014, sebanyak 1,266 permohonan telah diluluskan berjumlah keseluruhan RM113.89 juta.

**Jadual 11: Pecahan Penerima Bantuan Kepada NGO, Institusi Agama dan Pendidikan Bagi Tahun 2014**

| Bil. | Kategori | Permohonan yang Diluluskan | Jumlah Bantuan (RM) |
|---|---|---|---|
| 1. | Badan Bukan Kerajaan (NGO) | 700 | 34,802,323.96 |
| 2. | Institusi Agama dan Pendidikan | 499 | 79,085,074.01 |
| **Jumlah** | | **1,266** | **113,887,397.97** |

**Carta 28: Jumlah Agihan Bantuan Kepada NGO, Institusi Agama dan Pendidikan Dari Tahun 2011 - 2014**




**Carta 29: Bilangan Penerima Bantuan Kepada NGO, Institusi Agama dan Pendidikan Dari Tahun 2011 - 2014**




### 1.4.4 Bantuan Perkahwinan

Bantuan Perkahwinan disediakan bagi membantu pasangan yang kurang berkemampuan untuk melangsungkan perkahwinan dan sebagai salah satu usaha dakwah dalam mengatasi gejala sosial serta memelihara dan meningkatkan institusi kekeluargaan.



*YB Menteri bergambar bersama Penerima Bantuan Perkahwinan*

Bantuan diberikan dalam bentuk wang tunai dan kadar bantuan adalah berbeza tertakluk kepada pengiraan Had al-Kifayah pemohon. Pengiraan ini mengambil kira pendapatan dan perbelanjaan keperluan asasi bulanan pemohon di mana kadar bantuan yang diberikan adalah antara RM1,500 hingga RM3,000. Kadar bantuan bagi pemohon Muallaf pula adalah berjumlah RM5,000.

Sepanjang tahun 2014, MAIWP telah membantu seramai 2,925 orang dengan bantuan berjumlah RM4.99 juta.

**Carta 30: Jumlah Agihan Bantuan Perkahwinan Dari Tahun 2011 - 2014**




**Carta 31: Bilangan Penerima Bantuan Perkahwinan Dari Tahun 2011 - 2014**




### 1.4.5 Bantuan Guaman Syarie

Bantuan Guaman Syarie membantu asnaf yang menghadapi tuntutan yang berkaitan kes Mahkamah Syariah atas kes-kes tertentu seperti ta'lik, fasakh, hadhanah, nafkah dan lain-lain kes yang berkaitan.

Bantuan ini dibiayai melalui kos guaman Peguam yang telah dilantik. Pada tahun 2014, MAIWP telah mengagihkan sebanyak RM0.12 juta kepada 26 orang penerima.

**Carta 32: Jumlah Agihan Bantuan Guaman Syarie Dari Tahun 2011 - 2014**




**Carta 33: Bilangan Penerima Bantuan Guaman Syarie Dari Tahun 2011 - 2014**




### 1.4.6 Bantuan Ibnu Sabil (Tambang Dalam dan Luar Negeri)

Bantuan Ibnu Sabil disediakan bagi membantu asnaf yang menghadapi masalah ketika dalam perjalanan ke mana-mana tempat atas sebab yang dibenarkan oleh syara'. Mereka yang layak menerima bantuan ini menerima bantuan tiket dan wang saku bagi keperluan perbelanjaan. Sepanjang tahun 2014, bantuan ini diberikan kepada seramai 1,488 orang dengan bantuan berjumlah RM0.41 juta.

**Carta 34: Jumlah Agihan Bantuan Ibnu Sabil (Tambang Dalam dan Luar Negeri) Dari Tahun 2011 - 2014**



**Carta 35: Bilangan Penerima (Tambang Dalam dan Luar Negeri) Dari Tahun 2011 - 2014**




### 1.4.7 Bantuan Takaful Asnaf

Skim Takaful Asnaf Baitulmal MAIWP menyediakan polisi perlindungan kepada asnaf fakir, miskin dan muallaf. Skim yang mula diperkenalkan pada tahun 2011 ini memberi perlindungan kepada asnaf bagi kematian akibat kemalangan sebanyak RM5,000, keilatan kekal akibat kemalangan sebanyak RM5,000 dan kematian akibat semua sebab sebanyak RM2,000. Jumlah premium yang dibayar oleh MAIWP bagi seorang asnaf adalah RM30 setahun.



*Penyerahan Bantuan Takaful Asnaf kepada Waris Penerima*

Seramai 16,685 orang asnaf bantuan zakat MAIWP yang layak untuk menerima polisi perlindungan takaful. Sepanjang tahun 2014, seramai 199 orang waris telah menerima bayaran takaful asnaf.

### 1.4.8 Wakalah

Definisi Wakalah: MAIWP mewakilkan kuasa kepada pembayar zakat untuk mengagihkan sendiri wang zakat kepada golongan asnaf yang layak melalui pemulangan semula sejumlah wang zakat yang dibayar berdasarkan syarat-syarat yang telah ditetapkan.



*Penyerahan Sijil Wakalah*

Mesyuarat MAIWP kali ke-110 telah bersetuju supaya dikembalikan 3/8 daripada zakat perniagaan yang ditunaikan oleh Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) untuk diagihkan kepada asnaf yang telah ditentukan. Lanjutan dari itu, mesyuarat MAIWP kali ke-112 telah meluluskan dasar pengembalian semula wang zakat kepada syarikat/organisasi. Pada 2011, mesyuarat MAIWP kali ke-118 & 119 dasar pengembalian semula wang zakat ini telah dibenarkan kepada individu yang membayar zakat melebihi RM50,000.00 setahun dan potongan gaji kakitangan IPTA/IPTS yang membayar zakat kepada PPZ.

Bermula dengan keputusan tersebut, MAIWP telah menerima konsep Al-Wakalah sebagai dasar pengembalian semula wang zakat kepada pembayar zakat untuk diagihkan kepada asnaf yang layak.

Konsep Al-Wakalah ini adalah bukan akad pemilikan yang memberi kebebasan memanipulasi wang zakat. Pembayar dilantik menjadi wakil kepada MAIWP untuk melakukan proses agihan zakat bagi pihak MAIWP berdasarkan syarat dan garis panduan yang telah ditetapkan oleh MAIWP.

Dasar wakalah ini merupakan pemangkin dalam membantu meningkatkan kutipan zakat terutamanya zakat perniagaan, pendapatan dan harta di Wilayah Persekutuan melalui pembayaran zakat kepada PPZ. Bagi syarikat/organisasi, dasar pengembalian semula wang zakat ini mampu mengurangkan bebanan cukai korporat memandangkan setakat ini, syarikat/organisasi tidak mendapat rebat cukai bagi pembayaran zakat perniagaan berbanding pelaksanaan zakat oleh individu.

Dasar pengembalian semula wang zakat ini adalah tertakluk kepada pembayar zakat yang membayar zakat kepada PPZ serta mengemukakan surat permohonan. Ia tertakluk kepada kelulusan Ketua Pegawai Eksekutif MAIWP atau Setiausaha MAIWP.

Pengembalian semula wang zakat dengan kadar 3/8 kepada syarikat/organisasi, 2/8 kepada individu & 3/8 kepada IPTA/IPTS ini adalah merupakan inovasi berdasarkan siasah (urus tadbir dan budi bicara) pihak MAIWP dalam memacu kegemilangan ummah.

**Jadual 12: Kadar Pemulangan Semula Wang Zakat Kepada Pembayar**

| Kategori | Kadar Wakalah | | Syarat | ASNAF |
|---|---|---|---|---|
| Individu | 2/8 | 25% | Jumlah bayaran zakat melebihi RM50,000.00 dan ke atas sahaja | 2 daripada 3 asnaf (Fakir@Miskin Fisabilillah) |
| Syarikat/ Organisasi | 3/8 | 37.5% | Tiada had bayaran zakat | Fakir, Miskin & Fisabilillah |
| IPT | 3/8 | 37.5% | | Fakir, Miskin, Fisabilillah dan Muallaf |

**Jadual 13: Pecahan Jumlah Agihan Menerusi Wakalah bagi tahun 2014**

| Bil. | Kategori | Jumlah Agihan (RM) |
|---|---|---|
| 1 | Individu | 9,536,585.97 |
| 2. | Syarikat /Organisasi | 26,979,501.92 |
| 3. | IPT | 1,353,159.40 |
| **JUMLAH** | | **37,869,247.29** |

Jadual 14 : Pecahan Agihan Zakat MAIWP Menerusi Skim Bantuan Dari Tahun 2012- 2014

| Program Pembangunan | Bil. | Skim Bantuan | 2012 | | 2013 | | 2014 | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | Jumlah (RM) | Bilangan Penerima/ Permohonan Diluluskan | Jumlah (RM) | Bilangan Penerima/ Permohonan Diluluskan | Jumlah (RM) | Bilangan Penerima/ Permohonan Diluluskan |
| Sosial | 1. | Bantuan Kewangan Bulanan | 62,769,024.00 | 17,391 | 72,323,450.00 | 20,050 | 85,885,195.00 | 23,824 |
| | 2. | Bantuan Deposit Sewa Rumah dan Sewa Rumah Bulanan | 3,157,710.00 | 1,771 | 3,605,322.00 | 2,273 | 5,485,156.00 | 2,940 |
| | 3. | Bantuan Membina / Membaiki Rumah / Deposit Rumah | 741,275.00 | 28 | 861,865.95 | 56 | 1,579,027.40 | 121 |
| | 4. | Bantuan Perubatan | 13,167,561.00 | 1,900 | 14,765,700.04 | 2027 | 18,069,450.76 | 2,604 |
| | 5. | Bantuan Menyelesaikan Hutang (Al-Gharimin) | 2,636,474.00 | 1,518 | 4,574,842.11 | 2003 | 4,900,529.42 | 1,990 |
| Ekonomi | 6. | Bantuan Perniagaan | 2,399,819.00 | 785 | 4,301,936.86 | 881 | 6,158,134.70 | 1,974 |
| | 7. | Bantuan Deposit Sewa Beli Teksi | 3,029,464.00 | 567 | 1,390,502.17 | 287 | 763,600.00 | 178 |
| | 8. | Bantuan Deposit Van / Bas Sekolah | - | - | - | - | 40,000.00 | 4 |
| | 9. | Bantuan Pertanian | 23,750.00 | 3 | 48,330.00 | 15 | 78,343.00 | 13 |
| Pendidikan | 10. | Bantuan Am Persekolahan | 12,711,235.00 | 19,530 | 13,110,432.00 | 21,397 | 14,389,176.70 | 21,846 |
| | 11. | Bantuan Am Pelajaran IPT | 18,842,706.00 | 6,041 | 17,822,610.00 | 6,492 | 28,978,380.00 | 9,085 |
| | 12. | Bantuan Peralatan dan Kecemasan Persekolahan | 2,903,798.00 | 2,410 | 4,457,936.40 | 20,173 | 5,140,844.95 | 22,732 |
| | 13. | Bantuan Biasiswa / Insentif Khas Pelajar Cemerlang Dalam dan Luar Negara | 5,471,185.00 | 52 | 4,430,268.65 | 135 | 6,761,203.17 | 329 |
| | 14. | Bantuan Persediaan IPT | 1,805,000.00 | 1,709 | 2,152,021.91 | 1,990 | 3,008,000.00 | 3,024 |
| | 15. | Bantuan Tuisyen | 58,997.00 | 46 | 44,059.14 | 105 | 46,047.00 | 85 |
| | 16. | Bantuan Pelajar Kolej Antarabangsa Sains Perubatan PUSRAWI (PICOMS) | 3,948,000.00 | 941 | 5,457,000.00 | 1992 | 11,252,200.00 | 4,544 |
| | 17. | Bantuan Pelajar IPB | 7,227,229.00 | 1,318 | 11,435,462.63 | 2,576 | 11,564,852.80 | 2,726 |

| Program Pembangunan | Bil. | Skim Bantuan | 2012 | | 2013 | | 2014 | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | Jumlah (RM) | Bilangan Penerima/ Permohonan Diluluskan | Jumlah (RM) | Bilangan Penerima/ Permohonan Diluluskan | Jumlah (RM) | Bilangan Penerima/ Permohonan Diluluskan |
| Kebajikan dan Dakwah | 18. | Bantuan Galakan Hafaz Al-Quran | 844,375.00 | 345 | 1,091,250.00 | 251 | 1,296,250.00 | 297 |
| | 19. | Bantuan Musibah | 1,264,750.00 | 1,601 | 1,101,441.10 | 1,538 | 1,431,173.96 | 775 |
| | 20. | Bantuan Kepada Agensi-Agensi Kebajikan (NGO) & Institusi Pendidikan | 74,893,076.00 | 746 | 90,579,369.78 | 853 | 113,887,397.97 | 1,266 |
| | 21. | Bantuan Perkahwinan | 2,331,500.00 | 1,605 | 2,324,600.00 | 1,688 | 4,986,400.00 | 2,925 |
| | 22. | Bantuan Deposit Membeli Motosikal OKU | 4,727.00 | 1 | 24,119.44 | 4 | 7,000.00 | 1 |
| | 23. | Bantuan Guaman Syarie | 142,667.00 | 31 | 150,674.00 | 29 | 115,825.00 | 26 |
| | 24. | Bantuan Ibnu Sabil | 300,709.00 | 1,801 | 262,084.80 | 441 | 412,159.61 | 1,488 |
| | 25. | Bantuan Ramadhan | 3,750,800.00 | 18,755 | 7,469,675.75 | 23,833 | 11,966,000.00 | 25,225 |
| | 26. | Bantuan Kecemasan | 467,600.00 | 4,139 | 509,650.00 | 5,166 | 1,190,615.00 | 8,878 |
| | 27. | Bantuan Takaful Asnaf | 700,360.00 | 1,085 | 500,550.00 | 151 | 4,000.00 | 199 |
| **JUMLAH** | | | **225,593,792** | **86,119** | **264,795,154.73** | **116,406** | **338,953,962.44** | **139,099** |

# AGIHAN ZAKAT DI LABUAN

Aktiviti agihan di Labuan dilaksanakan melalui skim-skim bantuan yang sama seperti di ibu pejabat MAIWP.Perincian bantuan yang telah disalurkan di Labuan adalah seperti Jadual 15 di bawah. Jumlah agihan pada tahun 2014 meningkat berbanding tahun 2013 disebabkan oleh peningkatan kadar bantuan semasa dan pertambahan bilangan asnaf terutama melibatkan skim bantuan kewangan bulanan disamping kenaikan kadar had kifayah MAIWP pada awal tahun 2014.

**Jadual 15: Jumlah Agihan Zakat MAIWP cawangan Labuan Dari Tahun 2012 – 2014**

| Bil. | Skim Bantuan | 2012 | | 2013 | | 2014 | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | Jumlah Bantuan (RM) | Bilangan Penerima | Jumlah Bantuan (RM) | Bilangan Penerima | Jumlah Bantuan (RM) | Bilangan Penerima |
| 1. | Bantuan Kewangan Bulanan | 3,260,700.00 | 1173 | **3,487,950.00** | **1267** | **4,069,700** | 1458 |
| 2. | Bantuan Ramadhan | 487,050.00 | 1162 | **386,700.00** | **1418** | **656,600.00** | 1313 |
| 3. | Bantuan Menyelesaikan Hutang | 33,679.00 | 21 | **26,968.60** | **27** | **43,616.28** | 32 |
| 4. | Bantuan Deposit Sewa Rumah Dan Sewa Rumah Bulanan | 136,135.00 | 39 | **136,700.00** | **49** | **298,132.00** | 112 |
| 5. | BantuanMembina/Membaiki/ Deposit BeliRumah Kos Rendah | 711,245.00 | 27 | **788,161.95** | **49** | **1,372,493.40** | 107 |
| 6. | Bantuan Perubatan | 95,317.00 | 60 | **122,356.44** | **85** | **154,343.00** | 105 |
| 7. | Bantuan Perniagaan | 13,905.00 | 5 | **29,037.00** | **11** | **72,466.70** | 20 |
| 8. | Bantuan Pertanian | 23,750.00 | 3 | **48,330.00** | **15** | **73,343.00** | 12 |
| 9. | Bantuan Perkahwinan | 187,500.00 | 144 | **204,000.00** | **170** | **425,000.00** | 272 |
| 10. | Bantuan Guaman Syarie | 6,500.00 | 2 | **8,000.00** | **1** | **6,000.00** | 1 |
| 11. | Bantuan Kecemasan | 71,950.00 | 278 | **103,250.00** | **353** | **33,255.00** | 109 |
| 12. | Bantuan Ibnu Sabil | 107,822.00 | 54 | **115,706.00** | **68** | **160,653.00** | 421 |
| 13. | Bantuan Musibah | 89,600.00 | 58 | **90,041.10** | **85** | **132,273.96** | 88 |
| 14. | Bantuan Am Pelajaran IPT | 607,396.00 | 239 | **576,280.00** | **241** | **1,085,740.00** | 327 |
| 15. | Bantuan Galakan Hafaz Al-Quran | 2,750 | 4 | **5,000.00** | **5** | **-** | - |
| 16. | Bantuan Biasiswa Baitulmal Insentif Khas Pelajar Cemerlang | - | - | **-** | **-** | **-** | - |
| 17. | Bantuan Persediaan IPT | 110,000.00 | 88 | **135,021.91** | **136** | **149,500.00** | 150 |
| 18. | Bantuan Am Persekolahan | 1,431,400.00 | 2353 | **1,356,584.00** | **2197** | **1,468,470.90** | 2320 |
| 19. | Bantuan Peralatan Dan Kecemasan Persekolahan | 595,260.00 | 2353 | **422,482.40** | **1996** | **564,765.15** | 2307 |
| 20. | Bantuan Tuisyen | 58,997.00 | 46 | **44,059.14** | **105** | **46,047.00** | 85 |
| 21. | Bantuan Kepada Agensi-Agensi Kebajikan Dan Institusi Pendidikan | 232,033.00 | 50 | **270,131.55** | **35** | **1,492,165.43** | 67 |
| 22. | Bantuan Takaful Asnaf | 27,210 | 907 | **-** | **-** | **-** | - |
| | **JUMLAH** | **8,290,199.00** | **9,066** | **8,356,760.09** | **8,313** | **12,304,564.82** | 9306 |

Pada tahun 2014, jumlah agihan zakat menerusi skim-skim bantuan ini adalah sebanyak RM12.305 juta. Jumlah keseluruhan bantuan yang diagihkan pada tahun 2014 ini meningkat berbanding tahun 2013 yang mencatatkan jumlah peningkatan agihan sebanyak RM3.9 juta sahaja. Peningkatan sebanyak 47.2 tersebut disebabkan oleh peningkatan penerima bantuan Skim Bantuan Bulanan serta skim-skim bantuan lain serta kenaikan kadar had kifayah pada awal tahun 2014 yang mendorong kepada pertambahan agihan pada tahun semasa.

# PROGRAM UTAMA 2: PEMBANGUNAN MODAL INSAN

MAIWP amat memberi penekanan terhadap usaha membangunkan modal insan sebagai satu landasan kecemerlangan generasi hadapan. Ia adalah menjurus kepada melahirkan insan yang bersahsiah cemerlang dari segi intelektual dan akhlak.

MAIWP mempunyai institusi pendidikan merangkumi pendidikan peringkat pra-sekolah hingga pengajian tinggi iaitu Taska Darul Hannan, Tadika Islam, Sekolah Menengah Integrasi Sains Tahfiz dan Institut Kemahiran Baitulmal. Pengurusan institusi-institusi ini diletakkan di bawah Bahagian Pembangunan Insan MAIWP. Jumlah keseluruhan perbelanjaan institusi pendidikan ini adalah RM9.89 juta pada tahun 2014.

Selain itu, MAIWP turut menyalurkan peruntukan berjumlah RM25.3 juta pada tahun 2014 menerusi Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) bagi pengurusan Sekolah Rendah Agama dan Sekolah Menengah Agama MAIWP (SMA-MAIWP) yang beroperasi di Kuala Lumpur dan Labuan.

## 2.1 Darul Hanan

Program Pengasuhan Kanak-kanak atau dikenali sebagai Taman Asuhan Kanak-Kanak Darul Hannan (TASKA) merupakan sebuah institusi penjagaan dan pendidikan harian bagi kanak-kanak yang berusia 2 hingga 4 tahun. Ia merupakan titik permulaan dalam bidang pendidikan yang telah diaturkan oleh MAIWP untuk melahirkan generasi Ulul- Albab menerusi pembentukan Kurikulum Pendidikan Islam untuk Pendidikan Awal Kanak-kanak dengan mengambil pendekatan agama sebagai asas teori dan praktikal dalam membentuk peribadi muslim seawal usia kanak-kanak.

Sejarah penubuhan Taska Darul Hannan bermula pada tahun 1986 di mana MAIWP telah meluluskan penubuhan Taska Darul Hannan yang pertama dan ia mula beroperasi pada 1hb. Disember 1996 di sebuah bangunan yang terletak di dalam kawasan Institut Kemahiran Baitulmal (IKB), Jalan Perkasa, Taman Maluri, Kuala Lumpur.

MAIWP telah meluaskan perkhidmatannya dengan meluluskan penubuhan dan pelaksanaan Taska Darul Hannan ke-2 yang bertempat di Dewan Nurseri Masjid Wilayah Persekutuan melalui mesyuarat MAIWP kali ke 102, Bil 4/2007 pada 22hb November 2007. Taska ini mula beroperasi pada 1 Julai 2009 dengan jumlah kanak-kanak adalah seramai 30 orang dengan menerima pakai Kurikulum Permata di samping menerapkan nilai-nilai Islam dalam sistem pendidikan.



*Ihtifal Taska Darul Hannan*

**Jadual 16: Pecahan kanak-kanak Taska Darul Hannan Masjid Wilayah dan Institut Kemahiran Baitulmal tahun 2014**

| Bil. | Jantina | Masjid Wilayah | | | IKB | | | DAR ASSAADAH | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | UMUR | 4 | 3 | 2 | 4 | 3 | 2 | 0-1 | |
| 1. | Lelaki | 6 | 5 | 2 | 3 | 3 | 2 | 13 | **21** |
| 2. | Perempuan | 9 | 7 | 3 | 1 | 5 | 4 | 4 | **29** |
| **Jumlah** | | **32** | | | **18** | | | **17** | **67** |

**Jadual 17: Statistik kanak-kanak Taska Darul Hannan 2011hingga 2014**

| Tahun | 2011 | 2012 | 2013 | 2014 |
|---|---|---|---|---|
| Bilangan | 30 | 38 | 36 | 67 |

Selain menyediakan perkhidmatan asuhan dan penjagaan, MAIWP melalui Darul Hannan turut mengatur pelbagai aktiviti harian yang dapat membantu perkembangan menyeluruh kanak-kanak merangkumi perkembangan rohani, kognitif, fizikal, bahasa dan sosio-emosi di kalangan kanak-kanak tersebut. Aktiviti-aktiviti tersebut dirangka berdasarkan garis panduan Modul Asuhan Kanak-kanak, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Modul PERMATA serta Modul Pendidikan Islam Taska Darul Hannan, MAIWP yang merangkumi hafazan surah-surah lazim dan doa harian, pendidikan fardhu ain, aktiviti kreativiti dan kesenian serta pendedahan awal kepada Bahasa Inggeris dan Arab.

Beberapa aktiviti tahunan turut diadakan sepanjang tahun 2014 seperti Majlis Ihtifal Kanak-kanak, Majlis sambutan Hari Raya Aidilfitri, lawatan sambil belajar dan sambutan hari lahir kanak-kanak serta program bersama ibu bapa kanak-kanak (TIBB). Majlis Ihtifal merupakan sasaran kerja tahunan taska yang bertujuan untuk  memberi peluang kepada kanak-kanak taska menunjukkan bakat serta kebolehan di samping membentuk keyakinan diri kanak-kanak menerusi persembahan yang diadakan.

Taska Darul Hannan mengenakan kadar yuran yang agak minima  iaitu RM150 sebulan dan yuran pendaftaran RM30.00. Pada tahun 2014, perbelanjaan mengurus Taska Darul Hannan adalah sebanyak RM75,716.00 iaitu merangkumi perbelanjaan bantuan makanan untuk kanak-kanak, pembelian peralatan pembelajaran, penganjuran program untuk kanak-kanak dan bekalan am serta kos utiliti. Jumlah ini tidak termasuk gaji dan elaun kakitangan.

## 2.2 Tadika Islam



*Festival Kesenian Kebudayaan Islam Tadika Islam MAIWP*

Pada tahun 2014, terdapat sebanyak 80 buah Tadika Islam yang diuruskan oleh MAIWP dengan 280 buah kelas. Bilangan pelajar keseluruhan adalah seramai 6,036 orang merangkumi 3,052 orang pelajar berusia 5 tahun dan 2,984 orang pelajar berusia 6 tahun.

**Carta 36 : Jumlah pelajar Tadika Islam MAIWP Dari Tahun 2011-2014**




Bilangan pelajar telah menunjukkan peningkatan pada setiap tahun. Ini berlaku berikutan pembukaan Tadika Islam Sumayyah di Bandar Tasik Permaisuri, Cheras, pengambil alihan operasi Tadika YADIM kepada MAIWP serta penambahan kelas di beberapa buah tadika yang mempunyai permintaan yang tinggi.

Pada tahun 2014, beberapa penambah baikan telah dilaksanakan bagi meningkatkan lagi kualiti Tadika Islam MAIWP. Antara penambah baikan tersebut adalah pembekalan makanan secara berpusat, penyelarasan pembekalan perabot serta peralatan, penyelarasan rekaan dan kualiti pakaian seragam serta pakaian sukan Tadika Islam MAIWP.

Penambah baikan juga telah dilaksanakan bagi meningkatkan kemahiran serta kualiti guru-guru Tadika Islam MAIWP. Antaranya penyediaan Garis Panduan Pengurusan Kewangan Tadika Islam MAIWP, penyediaan 'Standard Operating Procedure' dan juga pelaksanaan 4 siri lanjutan bagi Kursus Intervensi Perkembangan Awal Kanak-kanak.

Selain itu, bagi meningkatkan lagi kualiti guru-guru, pihak MAIWP dan Kolej Perkembangan Awal Kanak-kanak (KPAKK) telah membuat jalinan kerjasama dengan melaksanakan program Diploma Pendidikan Awal Kanak-kanak. Program pengajian ini akan dilaksanakan selama 5 tahun dengan pengambilan pelajar seramai 70 orang setahun. Bermula Mei 2014, seramai 68 orang guru telah dihantar bagi mengikuti program pengajian tersebut.

Peruntukan perbelanjaan bagi Unit Tadika Islam pula adalah sebanyak RM 3.65 juta yang merangkumi perbelanjaan bantuan makanan bagi murid, penganjuran kursus untuk guru, percetakan, penyediaan makanan dan sebagainya.

## 2.3 Sekolah Menengah Integrasi Sains Tahfiz (SMISTA)



*Pelajar SMISTA yang mendapat keputusan cemerlang dalam Akademik*

SMISTA kini mempunyai seramai 211 orang pelajar dari tingkatan 1 hingga tingkatan 4. Bahagian pentadbiran dan pengurusan sekolah masih beroperasi di Masjid Saidina Othman Ibnu Affan Bandar Tun Razak sejak 10 Jun 2013 yang lalu. Manakala, asrama pelajar ditempatkan di Kompleks SMA-MAIWP Bandar Sri Permaisuri untuk memberi ruang yang lebih selesa dan kemudahan yang mencukupi kepada para pelajar sementara menunggu bangunan baru SMISTA yang direncanakan di Bukit Jalil siap dibina.

**Jadual 18: Pecahan Pelajar SMISTA Tahun 2014**

| Pelajar | Lelaki | Perempuan | Jumlah |
|---|---|---|---|
| Ting 1 | 28 | 28 | 56 |
| Ting 2 | 28 | 28 | 56 |
| Ting 3 | 24 | 23 | 47 |
| Ting 4 | 26 | 26 | 52 |
| **Jumlah** | **106** | **105** | **211** |

Seramai 48 orang pelajar tingkatan 3 SMISTA telah mengambil Penilaian Tingkatan Tiga (PT3) pada tahun ini. Keputusan PT3 keseluruhan pelajar adalah seperti berikut :

**Jadual 19: Keputusan PT3 SMISTA 2014**

| Pencapaian | Jumlah | Peratus |
|---|---|---|
| 11A | 2 Orang | 4.16% |
| 10A | 7 Orang | 14.58% |
| 9A | 6 Orang | 12.50% |
| 8A | 12 Orang | 25.00% |
| 7A | 10 Orang | 20.83% |
| 6A | 2 Orang | 4.16% |
| 5A | 4 Orang | 8.33% |
| 4A | 3 Orang | 6.25% |
| 3A | - | - |
| 2A | 1 Orang | 2.08% |
| 1A | 1 Orang | 2.08% |

Manakala seramai 54 pelajar tingkatan 4 SMISTA telah mengambil Peperiksaan Sijil Menengah Agama (SMA) pada tahun 2014. SMISTA telah mendapat tempat ke-5 terbaik daripada 40 sekolah dengan pencapaian GPS 1.82 dan 100% lulus. Keputusan SMA keseluruhan pelajar adalah seperti di jadual 20:

**Jadual 20: Keputusan Peperiksaan SMA SMISTA 2014**

| Pencapaian | Jumlah | Peratus |
|---|---|---|
| **Mumtaz** | 19 Orang | 35.18% |
| **Jayyid Jiddan** | 25 Orang | 46.30% |
| **Jayyid** | 10 Orang | 18.52% |

Selain bidang akademik, pelajar SMISTA diwajibkan menghafaz Al-Quran sebagai salah satu daripada kurikulum sekolah berkenaan. Hasil pencapaian hafazan pelajar bagi sesi 2014 sehingga 31 Disember adalah seperti berikut :

**Jadual 21: Pencapaian Hafazan Al-Quran Pelajar SMISTA 2014**

| Ting | Juzuk 1-5 | Juzuk 6-10 | Juzuk 11-15 | Juzuk 16-20 | Juzuk 21-25 | Juzuk 26-30 |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | 7 | 49 | - | - | - | - |
| 2 | | 9 | 40 | 7 | - | - |
| 3 | | 1 | 2 | 8 | 19 | 17 |
| 4 | | 1 | 4 | 12 | 25 | 10 |
| **Jumlah** | **7** | **60** | **47** | **28** | **44** | **27** |

Bagi tahun 2014 pula, SMISTA-MAIWP telah menyertai Kejohanan Tae Kwan Do Terbuka Kepong dan berjaya meraih 4 emas, 4 perak dan 4 gangsa.

Dalam satu kejohanan lain pula iaitu Kejohanan Tae Kwan Do Jemputan NOVIS UIA, SMISTA-MAIWP berjaya merangkul 3 emas, 1 perak dan 1 gangsa di mana kejohanan ini bertaraf kebangsaan. Dari segi ko-akademik pula, SMISTA telah menyertai Pertandingan Debat UIA dan berjaya mendapat gelaran pendebat terbaik bagi kategori Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris di peringkat kumpulan. Seterusnya bagi pertandingan Short Essay Writing Competition anjuran Pusat Sains Negara, MOSTI dan 1001 Inventions, 5 orang pelajar SMISTA berjaya mendapat tempat saguhati dalam kategori Karangan Bahasa Inggeris.

Di peringkat negeri, SMISTA telah menyertai Kejohanan Sukan Sekolah-sekolah Menengah Agama MAIWP (KESSMA) dan mendapat tempat naib johan keseluruhan negeri. Selain itu, SMISTA juga telah menyertai Majlis Ihtifal Ilmi Sekolah Agama Negeri (MIISMAN) Wilayah Persekutuan dan berjaya menjadi johan keseluruhan.

Di peringkat kebangsaan pula, SMISTA telah menyertai Kejohanan Sukan Sekolah-sekolah Menengah Agama Malaysia (KESSUMA) anjuran JAKIM yang bertempat di UUM Sintok, Kedah dan mendapat ranking ke-10 manakala bagi penyertaan kali pertama dalam Majlis Ihtifal Ilmi Sekolah Menengah Agama Malaysia (MIISMAM) yang diadakan di IKBN Jenagor, Kuala Berang, SMISTA bersama-sama dengan SMA-MAIWP yang mewakili Wilayah Persekutuan berjaya mendapat tempat ke-11.

## 2.4 Sekolah Menengah Agama MAIWP (SMA-MAIWP)



*Pelajar SMA-MAIWP Labuan di bengkel pertukangan.*

Sekolah Menengah Agama Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (SMA-MAIWP) telah ditubuhkan dan dibiayai sepenuhnya oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP).

Objektif penubuhan sekolah ini adalah bagi membuka peluang kepada murid-murid lulusan Ujian Penilaian Sekolah Rendah Agama (UPSRA) melanjutkan pelajaran di peringkat menengah. Selain itu, penubuhan sekolah ini juga diharap dapat menampung permintaan tinggi oleh masyarakat di Wilayah Persekutuan terhadap sekolah menengah agama di Kuala Lumpur.

SMA-MAIWP mula beroperasi pada 22 Januari 2007 iaitu dengan jumlah tenaga pengajar seramai 23 orang dan 7 orang kakitangan sokongan. Seramai 183 orang murid telah melayakkan diri dalam ujian kelayakan telah dipilih bagi sesi pertama persekolahan 2007.

Pada 25 Oktober 2010, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan menandatangani perjanjian dengan Kementerian Pendidikan Malaysia menjadikan SMA-MAIWP sebagai sebuah Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) yang melaksanakan kurikulum kebangsaan yang diintegrasikan kurikulum thanawi.

Bermula Jun 2013, SMA-MAIWP beroperasi di bangunan baru yang beralamat di No. 2 Jalan Sri Permasuri Bandar Sri Permaisuri Cheras 56000 Kuala Lumpur. Tahun 2014 bilangan murid mencecah 633 orang dengan bilangan guru seramai 61 orang dan dibantu oleh Anggota Kumpulan Pelaksana (AKP) seramai 9 orang.

**Jadual 22: Pecahan Pelajar SMA-MAIWP Tahun 2014**

| Pelajar | Lelaki | Perempuan | Jumlah |
|---|---|---|---|
| Ting 1 | 113 | 114 | 227 |
| Ting 2 | 49 | 74 | 123 |
| Ting 3 | 45 | 77 | 122 |
| Ting 4 | 46 | 46 | 92 |
| Ting 5 | 24 | 45 | 69 |
| **Jumlah Keseluruhan** | **277** | **356** | **633** |

Jadual 23: Keputusan Peperiksaan Penilaian Menengah Rendah Bagi Tahun 2012- 2013 Dan Penilaian Tingkatan 3 (PT3) SMA-MAIWP Tahun 2014

| Bil. | Mata Pelajaran | GPMP | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | 2012 | 2013 | 2014 | |
| 1 | Bahasa Melayu | 1.25 | 1.19 | Lisan | 1.31 |
| | | | | Penulisan | 1.00 |
| 2 | Bahasa Inggeris | 1.46 | 1.37 | Lisan | 2.15 |
| | | | | Penulisan | 2.43 |
| 3 | Bahasa Arab | 1.24 | 1.26 | Bertulis | 1.53 |
| 4 | Sains | 1.14 | 1.12 | Bertulis | 3.47 |
| 5 | Matematik | 1.03 | 1.01 | Bertulis | 1.82 |
| 6 | Sejarah | 1.11 | 1.18 | Kajian Lapangan | 1.18 |
| 7 | Geografi | 1.06 | 1.21 | Kajian Lapangan | 1.07 |
| 8 | Pendidikan Islam | 1.01 | 1.01 | Bertulis | 2.43 |
| 9 | Kemahiran Hidup | 1.01 | 1.01 | Bertulis | 1.25 |
| **GPS** | | **1.15** | **1.15** | | **1.79** |

Jadual 24: Bilangan Calon Peperiksaan dan Peratusan GPS Sijil Menengah Agama Pada Tahun 2014

| Subjek | Bil. Calon | Mumtaz | J.Jiddan | Jayyid | Maqbul | Rasib | GPS |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Bahasa Arab 1 | 92 | 57 | 24 | 9 | 2 | 0 | 1.52 |
| Bahasa Arab 2 | 92 | 40 | 36 | 13 | 3 | 0 | 1.77 |
| Feqah Tauhid | 92 | 67 | 16 | 6 | 3 | 0 | 1.4 |
| Tafsir Hadis | 92 | 74 | 16 | 1 | 1 | 0 | 1.23 |
| Tarikh Islam | 92 | 54 | 23 | 14 | 1 | 0 | 1.59 |
| Quran Tajwid | 92 | 92 | 0 | 0 | 0 | 0 | 1 |

Jadual 25: Keputusan SPM SMA-MAIWP 2013-2014

| Bilangan A | 2013 | | 2014 | |
|---|---|---|---|---|
| | Jumlah Pelajar | % | Jumlah Pelajar | % |
| 11A | 0 | 0.00 | 3 | 4.35 |
| 10A | 0 | 0.00 | 1 | 1.45 |
| 9A | 6 | 20.70 | 4 | 5.80 |
| 8A | 6 | 20.70 | 8 | 11.60 |
| 7A | 4 | 13.80 | 18 | 26.10 |
| 6A | 7 | 24.20 | 14 | 20.30 |
| 5A | 4 | 13.80 | 10 | 14.50 |
| 4A | 1 | 3.40 | 3 | 4.35 |
| 3A | 1 | 3.40 | 3 | 4.35 |
| 2A | 0 | 0.00 | 3 | 4.35 |
| 1A | 0 | 0.00 | 1 | 1.45 |
| 0A | 0 | 0.00 | 1 | 1.45 |
| **Bilangan Pelajar** | **29** | **100** | **69** | **100** |

## 2.5 Institut Kemahiran Baitulmal



*Majlis Penganugerahan Sijil IKB*

Institut Kemahiran Baitulmal (IKB) ditubuhkan pada tahun 1991 bertujuan untuk membantu membasmi kemiskinan di kalangan asnaf fakir dan miskin dengan menyediakan latihan kemahiran yang tersusun dan berdaya saing. Sehingga tahun 2014, IKB telah melahirkan seramai 2,125 orang pelajar dalam bidang-bidang kursus yang ditawarkan.

**Jadual 26: Perbandingan Lulusan IKB Mengikut Kursus Dari Tahun 2011 - 2014**

| Bil. | Kursus | Bilangan Pelajar | | | | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | 2011 | 2012 | 2013 | 2014 | |
| 1. | Rekaan Fesyen dan Pembuatan Pakaian | 32 | 34 | 31 | 29 | 155 |
| 2. | Seni Lukis dan Seni Reka | 17 | 19 | 18 | 16 | 90 |
| 3. | Kejuruteraan Elektrik | 16 | 11 | 15 | 18 | 80 |
| 4. | Perkhidmatan dan Penyajian Makanan | 19 | 22 | 24 | 27 | 115 |
| 5. | Teknologi Binaan Bangunan | 12 | 8 | 16 | 11 | 57 |
| | **Jumlah** | **96** | **94** | **104** | **101** | **497** |

MAIWP melalui IKB telah membelanjakan sebanyak RM2.42 juta pada tahun 2014 bagi perbelanjaan mengurus menggunakan dana zakat.

IKB menawarkan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 1, 2 dan 3 dari Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) bagi Kursus Perkhidmatan dan Penyajian Makanan, Kursus Rekaan Fesyen Dan Pembuatan Pakaian Lelaki Dan Wanita serta Kursus Kejuruteraan Elektrik. Bagi Kursus Teknologi Binaan Bangunan, IKB menawarkan Sijil Kecekapan Kemahiran Tahap 1 dan 2 dari Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB). Sebagai nilai tambah, IKB juga menawarkan Sijil Kekompetenan Pendawai 3 Fasa Dan Endorsan Pengujian (PW4) daripada Suruhanjaya Tenaga bagi Kursus Kejuruteraan Elektrik.

Tahap persijilan kursus di IKB terus dipertingkatkan pada tahun 2014 apabila mula menjalankan Persijilan SKM (Sijil Kemahiran Malaysia) tahap 3 bagi Kursus Rekaan Fesyen dan Pembuatan Pakaian Lelaki. Ini merupakan kursus kedua di IKB yang menjalankan pentauliahan SKM tahap 3 selepas Kursus Rekaan Fesyen dan Pembuatan Pakaian Wanita pada tahun 2013.

# PROGRAM UTAMA 3: PERLINDUNGAN DAN KEBAJIKAN

## 3.1 Darul Kifayah

Darul Kifayah telah ditubuhkan pada tahun 1983. Kompleks ini merupakan salah sebuah institusi kebajikan yang memberi perlindungan dan bimbingan kepada anak-anak daripada keluarga fakir, miskin dan muallaf termasuk anak-anak yatim piatu / yatim berumur 11 hingga 17 tahun yang tergolong dalam kategori asnaf.

Pada tahun 2014, Darul Kifayah telah menempatkan seramai 326 orang pelajar iaitu 155 pelajar lelaki dan 171 pelajar perempuan. Pelajar-pelajar ini terdiri daripada fakir/miskin, yatim piatu, yatim dan muallaf.

**Carta 37: Bilangan Pelajar Darul Kifayah Dari Tahun 2011 - 2014**




MAIWP telah menetapkan kuota bagi kemasukan ke Darul Kifayah dengan meletakkan keutamaan kepada mereka yang berasal daripada Wilayah Persekutuan. Sebanyak 90% pelajar dipilih daripada anak-anak Wilayah Persekutuan dan bakinya dibuka kepada anak-anak dari luar Wilayah Persekutuan.

Sebanyak RM1,299,260 juta telah dibelanjakan oleh MAIWP merangkumi belanja pengurusan Darul Kifayah serta prasarana-prasarana kepada para pelajar merangkumi aspek yuran dan peralatan persekolahan, wang saku, pakaian serta pelbagai kemudahan lain.

Pada tahun 2014, seramai 137 orang calon yang terdiri daripada pelajar Darjah 6, Tingkatan 3 dan Tingkatan 5 telah menduduki peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR), Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).



*Anugerah Anakku Cemerlang Darul Kifayah*

**Jadual 27: Bilangan Calon Peperiksaan dan Peratusan Lulus Semua Subjek pada tahun 2014**

| Bil. | Peperiksaan | Bil. Calon | Bil. Lulus Semua Subjek | Peratus Lulus Semua Subjek (%) |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) | 37 | 17 | 46 |
| 2. | Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) | 60 | 13 | 22 |
| 3. | Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) | 43 | 26 | 60 |
| | **Jumlah** | **140** | **56** | 128 |

**Jadual 28: Bilangan Pelajar Darul Kifayah Melanjutkan pengajian ke Institusi Pengajian Pada Tahun 2014 (SPM 2013)**

| Bil. | Institusi Pengajian | Bilangan |
|---|---|---|
| 1. | Kolej Matrikulasi | 1 |
| 2. | Universiti Teknologi Mara (UiTM) | 3 |
| 3. | Politeknik | 1 |
| 4. | Universiti Tun Abdul Razak (UNITAR) | 2 |
| 5. | Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia | 1 |
| 6. | Kolej Islam Antarabangsa | 1 |
| 7. | Kolej Antarabangsa Sains Perubatan PUSRAWI (PICOMS) | 2 |
| 8. | Institut Profesional Baitulmal (IPB) | 1 |
| 9. | Malaysian Hospitality College | 1 |
| 10. | Kolej Uniti | 1 |
| 11. | Institut Kemahiran Baitulmal (IKB) | 2 |
| | **Jumlah** | **16** |

Selain daripada menitik berat aspek kebajikan, Darul Kifayah serius dalam memperhebatkan lagi usaha meningkatkan prestasi pelajaran setiap penghuni di sini. Justeru, Darul Kifayah telah menjalankan usaha sama dengan Yayasan Pelajaran MARA (YPM) bagi menyediakan tenaga pengajar, jadual perancangan akademik dan menjalankan program-program yang bersifat ilmiah.

Antara program-program yang dijalankan oleh YPM adalah mengatur kelas tuisyen pada hari Sabtu dan Ahad, Kem Motivasi dan Kursus Kecemerlangan Akademik. Program ini melibatkan seramai 60 orang pelajar tingkatan 3 dan 43 orang pelajar tingkatan 5.

## 3.2 Dar Assaadah



*Pelatih sedang menghias kek*

Dar Assaadah mula beroperasi pada November 1989 dengan tujuan untuk memberikan perlindungan sementara, bimbingan agama dan akhlak serta latihan kemahiran vokasional kepada wanita dan gadis dalam lingkungan umur 18 – 35 tahun.

Pelatih Dar Assaadah dilindungi dan ditempatkan untuk tempoh 2 tahun dengan diberikan kemudahan-kemudahan seperti perlindungan, jagaan, perubatan, kelas bimbingan agama, kaunseling dan latihan kemahiran. Selain itu, para pelatih turut didedahkan dengan aktiviti-aktiviti luar bagi membina jati diri masing-masing.

Pada tahun 2013, baki pelatih adalah seramai 23 orang. Manakala bagi tahun 2014 Dar Assaadah telah menerima seramai 38 orang pelatih baru dari seluruh Malaysia. Jumlah keseluruhan penghuni bagi tahun 2014 adalah seramai 61 orang. Sepanjang tahun 2014, seramai 27 pelatih telah menamat tempoh perlindungan selama 2 tahun di Dar Assaadah.

**Carta 38: Jumlah Bilangan Pelatih Dar Assaadah 2011-2014**




Pelatih Dar Assaadah bukan sahaja diberi ilmu berkaitan agama malahan mereka sentiasa didedahkan dengan ilmu berkaitan kemahiran masakan, jahitan, ceramah kesihatan, latihan keselamatan dan juga program-program berbentuk motivasi sebagai panduan untuk mereka dimasa akan datang. Berasaskan kemahiran yang diberikan oleh pihak Dar Assaadah mampu memberi peluang untuk mereka menjana pendapatkan sampingan selepas mereka menamatkan tempoh perlindungan di sini.

Pada tahun 2014, perbelanjaan menguruskan Dar Assaadah adalah sebanyak RM 818,400.00 dengan menggunakan geran yang diberikan oleh pihak kerajaan.

## 3.3 Darul Ilmi

Pusat Pengajian Darul Ilmi dahulu dikenali sebagai Dar Assakinah telah diwakaf khas oleh Tuan Haji Mohd Mazlan bin Md Ismail Merican pada bulan September 2011 kepada MAIWP. Pusat Pengajian ini diletakkan di bawah seliaan dan kelolaan Bahagian Pembangunan Insan. Pusat Pengajian ini telah mula beroperasi pada 12 Mac 2012. Darul Ilmi ditubuhkan sebagai sebuah institusi yang menyediakan pendidikan mengikut sistem pondok kepada golongan warga emas yang berumur 55 tahun hingga 70 tahun. Sepanjang tahun 2014, seramai 20 orang warga Darul Ilmi yang mengikuti Pengajian.



*Warga Darul Ilmi bersama Datuk Mufti Wilayah Persekutuan dan Pegawai MAIWP*

**Carta 39: Bilangan Warga Darul Ilmi Pada Tahun 2012 – 2014**




Kurikulum di Darul Ilmi memberi penekanan kepada subjek-subjek Pembelajaran Al-Quran secara talaqqi dan musyafahah (berhadapan dengan guru, murid membaca dan guru membetulkan kesalahan), Pengajian Fardhu Ain dan Fardhu Kifayah seperti pengajian Fiqh, Tauhid, Sirah dan Pengajian Kitab-kitab Turath (rujukan utama) seperti kitab Bahrul Mazi, Hidayatus Salikin dan lain-lain.

Selain menyediakan kemudahan pendidikan, MAIWP turut menguruskan kemudahan dari sudut perlindungan terutama dari sudut penginapan, kebersihan, kawalan keselamatan dan juga khidmat pemeriksaan kesihatan.

Aktiviti–aktiviti yang dijalankan sepanjang 2014 adalah kursus pengurusan jenazah, Solat Sunat Terawih berjemaah, Sambutan Ihya' Ramadan, Majlis Khatam Al-Quran, Sambutan Hari Raya Aidilfitri serta bengkel Kertas Konsep dan Penambaikan serta Peningkatan Pusat Pengajian di Darul Ilmi.

## 3.4 Kaunseling

Unit Kaunseling bertujuan membantu pelajar/pelatih institusi-institusi di bawah MAIWP seperti Darul Kifayah, Dar Assaadah, Institut Kemahiran Baitulmal dan Sekolah Menengah Integrasi Sains Tahfiz. Pada tahun ini, sebanyak 126 sesi kaunseling telah dijalankan di Institusi. Manakala sebanyak 22 sesi kaunseling telah dilakukan kepada pegawai dan kakitangan MAIWP sama ada secara sukarela atau dirujuk. Selain itu, Program Kecemerlangan Pelajar Institusi Bahagian Pembangunan Insan melibatkan semua pelajar/pelatih yang dinilai dari segi kecemerlangan akademik dan sahsiah. Latihan Menembak Bagi Pegawai Dan Kakitangan MAIWP Dengan Kerjasama Angkatan Tentera Malaysia juga telah dilaksanakan sebagai memberi pendedahan dan motivasi kepada warga MAIWP yang terlibat.

**Jadual 29: Sesi Kaunseling Mengikut Institusi Dari Tahun 2011 – 2014**

| Bil. | Institusi | 2011 | 2012 | 2013 | 2014 |
|---|---|---|---|---|---|
| 1 | Institut Kemahiran Baitulmal | 34 | 25 | 42 | 45 |
| 2 | Dar Assaadah | 83 | 150 | 34 | 30 |
| 3 | Darul Kifayah | 115 | 257 | 38 | 33 |
| 4 | SMISTA | 10 | 11 | 23 | 18 |
| 5 | Pegawai dan Kakitangan MAIWP | 37 | 18 | 20 | 22 |
| **JUMLAH** | | **279** | **461** | **157** | **148** |

# PROGRAM UTAMA 4 : PEMBANGUNAN HARTANAH

MAIWP sehingga tahun 2014 memiliki hartanah berkeluasan keseluruhan 671.51 ekar merangkumi tanah kebajikan, ekonomi, pusaka dan wakaf.

**Jadual 30: Keluasan Tanah Milik MAIWP 2011-2014**

| Bil. | Kategori Hartanah | Jumlah Keluasan (Ekar) | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | 2011 | 2012 | 2013 | 2014 |
| 1. | Kebajikan | 248.99 (219 lot) | 231.75 (214 lot) | 489.61 (261 lot) | 477.23 (271 lot) |
| 2. | Ekonomi | 76.17 (198 lot) | 125.59 (229 lot) | 127.1 (230 lot) | 127.27 (234 lot) |
| 3. | Pusaka | 1.47 (17 lot) | 4.45 (20 lot) | 4.45 (20 lot) | 4.43 (17 lot) |
| 4. | Wakaf | 21.78 (11 lot) | 23.53 (40 lot) | 24.91 (45 lot) | 62.58 (65 lot) |

Nota:

i. Tanah Kebajikan ialah tanah-tanah yang dipohon daripada Kerajaan untuk tujuan masjid, surau, sekolah rendah agama, sekolah menengah agama, kompleks kebajikan dan kubur.
ii. Tanah Ekonomi ialah tanah-tanah yang dibeli daripada pihak tertentu atau diberi oleh Kerajaan yang mana boleh digunakan untuk tujuan pembangunan komersial.
iii. Tanah Pusaka ialah tanah-tanah yang terhak kepada MAIWP dalam urusan pembahagian pusaka.
iv. Tanah Wakaf ialah tanah yang diterima setelah pemilik mewakafkan kepada MAIWP.



*Surau Al-Khir Darul Kifayah*

## 4.1 Projek Pembangunan

Sepanjang tahun 2014, terdapat beberapa projek yang telah dan sedang dilaksanakan oleh MAIWP. Projek-projek berkenaan adalah seperti jadual 31 di bawah:



*Pembinaan Pusat Perlindungan dan Bimbingan Darul Hidayah*

**Jadual 31: Projek-projek yang dilaksanakan sepanjang Tahun 2014**

| Bil. | Projek | Kos Pembinaan Asal (RM) | Tempoh Kontrak Asal | Tarikh Mula | Tarikh Siap / Jangkaan |
|---|---|---|---|---|---|
| 1. | Pembinaan Sekolah Rendah Agama (SRA) Hidayatul Mustaqimah di Lot 67768, Mukim Batu, Taman Beringin, Jinjang Utara, 52000 Kuala Lumpur | 7,508,579.20 | 18 Bulan | 30 Mei 2011 | 9 April 2014 |
| 2. | Pembangunan Kompleks Anak Yatim Darul Kifayah, Lot 52566 Taman Koperasi Polis Fasa 2, Kuala Lumpur | 20,600,000.00 | 18 Bulan | 21 November 2011 | Februari 2015 |
| 3. | Pembangunan Asrama Saudara Baru Muslim (Darul Hidayah) Lot 6659, Jalan Sentul, 51200 Kuala Lumpur | 19,793,007.00 | 18 Bulan | 15 Oktober 2012 | 19 Mac 2015 |
| 4. | Pembinaan Baru Masjid Jamek Alam Shah, Lot 60 Jalan Pudu Off Jalan Pasar, 55100 Kuala Lumpur | 12,361,600.00 | 24 Bulan | 1 Januari 2013 | 28 April 2015 |
| 5. | Pembangunan Kompleks Anak Yatim Darul Kifayah, Cawangan Labuan di atas Lot 7903, Jalan Tanjung Taras, Wilayah Persekutuan Labuan | 25,956,248.06 | 18 1/2 Bulan | 16 April 2014 | 31 Oktober 2015 |
| 6. | Ubahsuai Dalaman Aras 1&2 Bangunan Sediada (H.Pusrawi) Di atas Lot 149, Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur | 3,650,000.00 | 7 Bulan | 20 Ogos 2014 | 19 Julai 2015 |

## 4.2 Sewaan

Bagi menjana pendapatan, MAIWP juga menguruskan sewaan rumah, tanah dan bangunan kepada syarikat-syarikat milik MAIWP serta orang awam. Hasil sewa yang diperolehi direkodkan di dalam kumpulan Wang Zakat, Sumber Am dan Wakaf mengikut kategori milikan hartanah tersebut. Pada tahun 2014, MAIWP telah mengutip sebanyak RM12.24 juta hasil sewaan. Ia telah meningkat sebanyak 2% berbanding hasil sewaan tahun 2013 sebanyak RM11.97 juta.

**Jadual 32: Jumlah Kutipan Sewaan Hartanah MAIWP 2011- 2014**

| Bil. | Kategori Hartanah yang Disewa | Jumlah Kutipan Sewaan (RM) | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | 2011 | 2012 | 2013 | 2014 |
| 1. | Rumah | 798,591 | 787,251.60 | 862,232.14 | 938,256.40 |
| 2. | Tanah | 391,590 | 455,320.00 | 578,275.00 | 521,145.91 |
| 3. | Bangunan | 7,974,432 | 9,851,669.50 | 10,524,411.90 | 10,778,683.79 |
| 4. | Lain-lain | - | - | 5,901.92 | 8,569.00 |
| **Jumlah** | | **9,164,613** | **11,094,241.10** | **11,970,820.96** | **12,246,655.10** |

## PROGRAM UTAMA 5 : PELABURAN

Aktiviti pelaburan dalam instrumen kewangan MAIWP terdiri daripada simpanan tetap dan pelaburan di institusi kewangan berlesen. Pelaburan simpanan tetap serta pelaburan di institusi kewangan adalah pelaburan yang patuh syariah serta bersifat pelaburan jangka pendek. Bagi meningkatkan sumber kewangan MAIWP dan mengembangkan dana zakat bagi faedah 8 asnaf, MAIWP telah membuat pelaburan di dalam 5 instrumen pelaburan yang patuh syariah selaras dengan Akta 505.

**Jadual 33: Pelaburan Dalam Instrumen Kewangan MAIWP 2014 (Pada Nilai Kos)**

| Bil. | Instrumen Pelaburan | Jumlah (RM) |
|---|---|---|
| 1. | Simpanan Tetap di dalam Skim Perbankan Islam | 340,343,000 |
| 2. | Saham Awam | 3,256,210 |
| 3. | Saham Amanah | 63,572,401 |
| 4. | Ar-Rahnu | 60,000,000 |
| **Jumlah** | | **467,171,611** |

Selain itu, MAIWP juga mempunyai pelaburan ekuiti di 6 buah syarikat milik MAIWP yang menjalankan pelbagai perniagaan seperti kesihatan dan pendidikan. Pelaburan ini adalah salah satu inisiatif MAIWP bagi meningkatkan ekonomi dan pembangunan ummah.

**Jadual 34: Pelaburan Ekuiti MAIWP**

| Bil. | Syarikat | Jumlah Pelaburan (RM) | Aktiviti Utama |
|---|---|---|---|
| 1. | Hartasuci Sdn. Bhd. | 1,000,000 | Kutipan Zakat |
| 2. | Hospital PUSRAWI Sdn. Bhd. | 30,120,000 | Kesihatan |
| 3. | Institut Profesional Baitulmal Sdn. Bhd. | 3,500,000 | Pendidikan |
| 4. | Kolej Sains Perubatan Antarabangsa PUSRAWI Sdn. Bhd. | 9,583,000 | Pendidikan |
| 5. | MAIWP Dagang Sdn. Bhd. | 2,000,000 | Perniagaan Am |
| 6. | Pusat Wakaf MAIWP Sdn. Bhd. | 500,000 | Mengurus dan Mentadbir Dana Wakaf |
| **JUMLAH** | | **46,703,000** | |




*Antara bangunan syarikat milik MAIWP*

# PROGRAM UTAMA 6 : SYARIKAT DAN YAYASAN

## 6.1 Hartasuci Sdn. Bhd.




*Pelancaran Jom Jadi Sahabat PPZ*

Hartasuci Sdn. Bhd atau lebih dikenali dengan nama Pusat Pungutan Zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (PPZ-MAIWP) mula ditubuhkan pada tahun 1991 yang mana tugas dan tanggungjawabnya adalah sebagai institusi yang bertanggungjawab untuk mengutip zakat harta di seluruh Wilayah Persekutuan bagi pihak Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP)

PPZ-MAIWP sentiasa berusaha memastikan kutipan zakat harta serta bilangan pembayar zakat harta meningkat setiap tahun. Pada tahun 2014, PPZ-MAIWP telah berjaya mengutip zakat harta sebanyak RM 532.91 juta meningkat 10% berbanding dengan kutipan tahun 2013 iaitu sebanyak RM 484.63 juta. Peningkatan turut berlaku ke atas pembayar zakat dimana bilangan pembayar zakat harta pada tahun 2014 adalah seramai 141,748, meningkat 11% berbanding bilangan pembayar (jenis zakat) di tahun 2013 iaitu seramai 128,061 pembayar.

Sepanjang tahun 2014, pelbagai kempen dan promosi telah dijalankan oleh PPZ-MAIWP dalam usaha memastikan dakwah zakat sampai ke semua peringkat masyarakat Islam serta menepati motto PPZ-MAIWP iaitu Memudahkan Anda Berzakat. Antaranya adalah kempen bayaran zakat menerusi Skim Thohir, bayaran zakat menerusi Ejen Kutipan Zakat PPZ-MAIWP, Zakat Perniagaan, Skuad Mesra Pembayar Zakat, Kaunter Zakat Bergerak dan juga aplikasi i-zakat.

Pada tahun 2014, PPZ-MAIWP banyak mengadakan aktiviti dan program secara "turun padang" bagi menyampaikan dakwah zakat seperti mengadakan Kempen Sahabat Zakat di Jalan Tunku Abdul Rahman, Bicara Santai di Pasar Tani dan di Bazar Ramadan. PPZ-MAIWP turut mengadakan program kolaborasi bersama badan korporat dan NGO.

Bersempena sambutan Bulan Zakat Kebangsaan 2014, PPZ-MAIWP telah berjaya memenangi Anugerah Inovasi Zakat Terbaik (Kutipan). Kemenangan ini merupakan kemenangan kali ketiga PPZ-MAIWP bersempena sambutan Bulan Zakat Kebangsaan.

**Jadual 35: Perbandingan Kutipan Zakat oleh PPZ-MAIWP Dari Tahun 2012 - 2014**

| Bil. | Jenis Zakat | 2012 (RM) | 2013 (RM) | 2014 (RM) | +/- (%) |
|---|---|---|---|---|---|
| 1. | Pendapatan | 264,814,612.05 | 318,789,658.83 | 369,796,559.60 | +16% |
| 2. | Perniagaan | 74,424,879.13 | 97,161,344.30 | 86,168,015.20 | -11% |
| 3. | Wang Simpanan | 26,921,769.08 | 23,377,179.67 | 24,833,184.13 | +6% |
| 4. | Harta/ Lain-lain kutipan | 36,652,379.62 | 45,303,846.73 | 52,117,303.41 | +15% |
| **Jumlah** | | **402,813,639.88** | **484,632,029.53** | **532,915,062.34** | +10% |

## 6.2 Hospital PUSRAWI Sdn. Bhd.



*Pemeriksaan Tekanan Darah*

Hospital PUSRAWI Sdn. Bhd. dahulunya dikenali sebagai Pusat Rawatan Islam ditubuhkan pada 10 Januari 1984 dan kini beroperasi di Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur. Perkhidmatan perubatan berlandaskan Islam merupakan objektif utama penubuhan Hospital PUSRAWI dan penubuhannya merupakan satu tanggungjawab Fardhu Kifayah yang dilaksanakan oleh MAIWP.

Sehingga tahun 2014, antara perkhidmatan dan kepakaran yang disediakan di Hospital PUSRAWI termasuklah Perubatan Am, Gastroenterologi, Kardiologi, Neurologi, Radiologi, Urologi, Neurologi, Perbidanan dan Sakit Puan, Psikiatri, Perubatan Respiratori, Perubatan Pediatrik dan banyak lagi. Bagi perkhidmatan pembedahan pula, Hospital PUSRAWI menawarkan Pembedahan Am, Pembedahan Pediatrik, Pembedahan Plastik, Pembedahan Vaskular dan sebagainya.

Bagi tahun 2014, seramai 53 orang Doktor Pakar Pelawat, 1 Pakar Tetap, 2 orang Doktor Pendaftar dan seorang Doktor Kesihatan Pekerjaan menawarkan perkhidmatan di Hospital PUSRAWI. Perkhidmatan di Hospital PUSRAWI juga dijalankan oleh 12 orang Pegawai Perubatan dan dibantu sejumlah 535 orang anggota pekerja kejururawatan dan perkhidmatan sokongan.

**Jadual 36: Statistik Bilangan Pesakit Hospital PUSRAWI 2011 - 2014**

| Tahun | Pesakit Luar | Pesakit Dalam |
|---|---|---|
| 2011 | 109,912 | 12,119 |
| 2012 | 109,638 | 11,681 |
| 2013 | 112,970 | 12,586 |
| 2014 | 115,593 | 13,600 |

**Jadual 37: Pendapatan dan Perbelanjaan Hospital PUSRAWI Dari Tahun 2011 – 2014**

| Tahun | Hasil | Perbelanjaan | Keuntungan Bersih Sebelum Cukai |
|---|---|---|---|
| 2011 | 87,198,660.00 | 81,237,164.00 | 5,961,496.00 |
| 2012 | 87,792,151.00 | 80,421,928.00 | 7,370,223.00 |
| 2013 | 89,847,405.00 | 82,183,765.00 | 7,663,640.00 |
| 2014 | 102,031,595.00 | 93,823,926.00 | 8,207,669.00 |

Dari jadual di atas jumlah keuntungan menunjukkan peningkatan keuntungan dari tahun 2011 ke 2014. Pihak pengurusan hospital telah merangka strategi yang lebih mampan dengan memperkenalkan disiplin atau perkhidmatan yang mampu menjana keuntungan kepada syarikat. Hasilnya keuntungan syarikat dapat ditingkatkan di tahun 2012 hingga 2014.



*Pengimejan Diagnostik*

## 6.3 Institut Profesional Baitulmal Sdn. Bhd.



*Pelajar IPB di dalam kelas*

Institut Profesional Baitulmal Sdn.Bhd. (IPB) telah ditubuhkan pada 23 April 1992 sebagai sebuah Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS). Terdapat 2 kategori program yang ditawarkan di IPB iaitu program usahasama Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan program professional.

Program Usahasama UiTM menawarkan kursus-kursus berikut:

- Pra Perdagangan
- Diploma Pengajian Perniagaan (DBS)
- Diploma Perakaunan (DIA)
- Diploma Sains Komputer (DSK)
- Diploma Sistem Maklumat Perakaunan (DAIS)

Program Profesional merangkumi:

- The London Chamber Of Commerce And Industry International Qualification (LCCI)
- Certified Accounting Technician (CAT)

Jumlah keseluruhan pelajar IPB setakat 31 Disember 2014 ialah seramai 1805 pelajar sepertimana yang dinyatakan di dalam jadual di bawah:

**Jadual 38: Pecahan Pelajar IPB Setakat 31 Disember 2014**

| Bil. | Kursus | Jumlah Pelajar |
|---|---|---|
| **Program Usahasama UiTM** | | |
| 1. | Pra Perdagangan (PD003) | 89 |
| 2. | Diploma Pengajian Perniagaan (BM111) | 804 |
| 3. | Diploma Perakaunan (AC110) | 462 |
| 4. | Diploma Sains Komputer (CS110) | 29 |
| 5. | Diploma Sistem Maklumat Perakaunan (AC120) | 53 |
| | **Jumlah** | **1,437** |
| **Program Profesional** | | |
| 6. | The London Chamber Of Commerce And Industry International Qualification (LCCI) | 265 |
| 7. | Certified Accounting Technician (CAT) | 103 |
| | **Jumlah** | **368** |
| | **Jumlah Keseluruhan** | **1,805** |

**Jadual 39: Graduan IPB bagi Tahun 2014 Mengikut Program**

| Program | Graduan |
|---|---|
| Diploma in Accounting (LCCIIQ) | 11 |
| Diploma in Business Studies (LCCIIQ) | 1 |
| Third Level Single Certificate (LCCIIQ) | 183 |
| Diploma Perakaunan (Usahasama UiTM) | 134 |
| Diploma Pengajian Perniagaan (Usahasama UiTM) | 96 |
| Diploma Sistem Maklaumat Perakaunan (Usahasama UiTM) | 2 |
| Diploma Sains Komputer (Usahasama UiTM) | 9 |
| Certified Accounting Technician (CAT) | 4 |
| **Jumlah** | **440** |

**Carta 40: Graduan IPB dari tahun 2011 - 2014**




Sehingga akhir tahun 2014, IPB mempunyai seramai 148 orang kakitangan yang terdiri daripada 85 orang pensyarah, dan 63 orang kakitangan pentadbiran.

MAIWP telah menyalurkan bantuan kepada pelajar-pelajar IPB menerusi Skim Bantuan Baitulmal kepada pelajar IPB. Pada tahun 2014, seramai 1,877 orang pelajar IPB menerima bantuan ini dengan jumlah keseluruhan bantuan berjumlah RM11.56 juta.

## 6.4 KOLEJ SAINS PERUBATAN ANTARABANGSA PUSRAWI SDN. BHD.

Kolej Sains Perubatan Antarabangsa PUSRAWI atau lebih dikenali sebagai PICOMS terus memperkukuhkan kedudukannya agar setanding dengan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) yang lain. PICOMS kini telah mendapat sambutan yang baik dari masyarakat umum. Ini terbukti apabila PICOMS kekal menawarkan 6 program sedia ada dan terus menerima peningkatan pelajar setiap kali pengambilan diadakan.

Berikut adalah statistik yang menunjukkan peningkatan bilangan pelajar untuk perbandingan.

**Jadual 40: Bilangan Pelajar PICOMS Dari Tahun 2011 – 2014**

| Bil. | Program | Bilangan Pelajar | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | 2011 | 2012 | 2013 | 2014 |
| 1. | Diploma Sains Kejururawatan | 394 | 468 | 533 | 650 |
| 2. | Diploma Farmasi | 136 | 454 | 931 | 1328 |
| 3. | Diploma Sains Perubatan | 121 | 294 | 559 | 749 |
| 4. | Diploma Kesihatan Persekitaran | 29 | 150 | 305 | 452 |
| 5. | Diploma Pembantu Perubatan | - | 153 | 371 | 552 |
| 6. | Diploma Fisioterapi | - | 90 | 171 | 340 |
| 7. | *Diploma Kesihatan & Keselamatan Pekerjaan | - | - | - | 75 |
| 8. | *Diploma Terapi Carakerja | - | - | - | 38 |
| 9. | **Diploma Teknologi Makmal Perubatan | - | - | - | 7 |
| | **Jumlah** | **680** | **1,609** | **2,870** | **4,191** |

**Carta 41: Bilangan Kemasukan Pelajar PICOMS Dari Tahun 2011 – 2014**




Pada 1 September 2014, Majlis Konvokesyen PICOMS kali ke 2 telah disempurnakan oleh YABhg. Datin Paduka Seri Rosmah Mansor, isteri Perdana Menteri Malaysia. Majlis tersebut diadakan di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) untuk meraikan seramai 540 graduan. Dari jumlah tersebut seramai 166 adalah graduan sulung dari program Diploma Farmasi, Diploma Sains Perubatan dan Diploma Kesihatan Persekitaran.

Keseluruhan, PICOMS telah berjaya melahirkan 1083 graduan yang mana seramai 917 adalah jururawat terlatih yang bekerja di sektor kerajaan dan swasta termasuk berkhidmat di luar negara.

Seiring dengan peningkatan bilangan pelajar, PICOMS turut menunjukkan prestasi kewangan yang baik dengan mencatatkan keuntungan untuk 3 tahun berturut-turut berbanding sebelum ini mengalami kerugian.

**Jadual 41: Prestasi Kewangan PICOMS Dari Tahun 2011- 2014**

| Tahun | Pendapatan | Perbelanjaan | Keuntungan Sebelum Cukai |
|---|---|---|---|
| 2011 | 7,518,485 | 8,410,251 | (891,766) |
| 2012 | 20,693,315 | 18,133,691 | 2,559,624 |
| 2013 | 39,666,911 | 31,010,660 | 8,656,251 |
| 2014 | 59,689,989 | 47,506,742 | 12,183,247 |

Sehingga berakhir 2014 PICOMS mempunyai 285 kakitangan. Seramai 162 adalah kakitangan akademik, 85 kakitangan pentadbiran dan 38 kakitangan yang bertugas di Pusat-pusat Perkhidmatan Kesihatan.

Satu lagi sejarah tercatat sebagai penutup tirai tahun 2014 ini, apabila PICOMS mendapat surat kelulusan dari Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk dinaiktaraf dari kolej ke kolej universiti. Kolej Universiti tersebut bakal dikenali sebagai Kolej Universiti Antarabangsa PICOMS atau PICOMS International University College (PIUC).



*Latihan amali Pelajar PICOMS.*

## 6.5 Yayasan Taqwa Wilayah Persekutuan

Yayasan Taqwa Wilayah Persekutuan (YTWP) atau lebih dikenali dengan nama Yayasan Taqwa telah ditubuhkan oleh MAIWP pada 20 November 1990 sebagai sebuah syarikat yang tidak berorientasikan keuntungan.

Objektif utamanya adalah menerima dan menguruskan dana peruntukan dari MAIWP, sumbangan-sumbangan individu, kumpulan dan organisasi dari dalam dan luar negara bertujuan untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti kebajikan, sosial dan kemajuan agama Islam.

Pengurusan pentadbiran Yayasan Taqwa diketuai oleh seorang Pengurus Besar yang bertanggungjawab secara langsung kepada Lembaga Pemegang Amanah dan dibantu oleh kakitangan Yayasan lain seramai 25 orang termasuk para mubaligh dan guru agama.

Pada tahun 2014, Yayasan Taqwa telah memperuntukkan dana berjumlah RM8.3 juta bagi pelaksanaan program dan perbelanjaan pengurusan.

**Jadual 42: Perbelanjaan Program Yayasan Taqwa Wilayah Persekutuan Dari Tahun 2011 - 2014**

| Bil. | Jenis Perbelanjaan | Jumlah Sumbangan (RM) | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | 2011 | 2012 | 2013 | 2014 |
| 1. | Pendidikan | 2,399,634 | 3,792,160 | 1,683,097 | 2,097,259 |
| 2. | Dakwah | 3,057,177 | 3,397,802 | 1,499,618 | 1,067,878 |
| 3. | Kebajikan, Kecemasan & Sosial | 235,941 | 185,537 | 3,703,079 | 3,478,333 |
| 4. | Belanja Pengurusan | 2,984,361 | 1,402,470 | 1,381,586 | 1,641,232 |
| | **Jumlah** | **8,677,113** | **8,777,969** | **8,267,380** | **8,284,702** |




*Penyerahan Sumbangan Dakwah kepada Orang Asli*

## 6.6 MAIWP Dagang Sdn. Bhd.

MAIWP Dagang Sdn. Bhd. ditubuhkan pada 27 September 2011. MAIWP Dagang telah beroperasi di Tingkat G Bangunan PERKIM bermula pada bulan Februari 2013. Bermula dengan 2 orang kakitangan, MAIWP Dagang kini telah mempunyai seramai 17 kakitangan.

Penubuhannya bermula dengan Kedai Rakyat MAIWP (KRM) yang bertujuan bagi menyokong salah satu usaha Kerajaan di bawah Program Transformasi Kerajaan (GTP) untuk memberikan lebih nilai dalam belian barangan runcit dengan jaminan harga rendah berbanding kedai runcit lain. KRM mula beroperasi di Presint 5 Putrajaya pada bulan Oktober 2011 di bawah pengurusan MYDIN. Pada 1 Oktober 2013, MAIWP Dagang telah mengambil alih sepenuhnya pengurusan KRM.

MAIWP Dagang telah menambah operasi dengan pembukaan sebuah kiosk yang diberi nama KIOSK MAIWP di Menara Imarah Waqaf, Jalan Perak, Kuala Lumpur pada September 2013. Pada April 2014 MAIWP Dagang telah menambah operasi dengan pembukaan sebuah kedai yang diberi nama Kedai Rakyat MAIWP Presint 9 (KRM P9) di Putrajaya.

MAIWP Dagang Sdn Bhd (MDSB) telah bekerjasama dengan Perbadanan Wakaf Nasional Berhad (PWNB) untuk menjalankan aktiviti – aktiviti pembukaan Kedai Rakyat Wakaf di Masjid Imam Al Najihin, Bandar Permaisuri Cheras. MDSB telah menyediakan perkhidmatan kepada PWNB dengan memberi latihan penyusunan barangan, latihan inventori, latihan pentadbiran dan akaun, latihan sumber manusia serta latihan juruwang dan operasi kepada semua kakitangan PWNB.

Selain daripada menguruskan KRM P5, KRM P9 dan KIOSK MAIWP, MAIWP Dagang juga membekalkan beras, bekalan makanan kering, peralatan perubatan seperti Portable Oxygen, kanta mata, cermin mata, pakaian sukan, hadiah tuala bersulam, cenderamata, lanyard, peralatan alat tulis dan barangan IT.

**Jadual 43: Perbezaan Jumlah Jualan MAIWP Dagang Dari Tahun 2012- 2014**

| Bil. | Tahun | 2012 | 2013 | 2014 |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Kedai Rakyat MAIWP | 1,320,325.48 | 1,178,371.44 | 1,238,486.06 |
| 2. | Kiosk Menara WAQAF | - | 10,090.81 | 79,941.07 |
| 3. | Ibu Pejabat | 1,187,012.67 | 2,328,112.50 | 514 341.45 |
| 4. | Kedai Rakyat MAIWP Presint 9, Putrajaya | - | - | 509, 971.54 |
| **Jumlah** | | **2,507,338.15** | **3,516,574.75** | **2,342,740.12** |



*Kedai Rakyat MAIWP*





# LAPORAN OPERASI PROGRAM PENGURUSAN

**YBhg. Datuk Haji Zainal Abidin bin Jaffar**
Ketua Pegawai Eksekutif MAIWP

# LAPORAN OPERASI PROGRAM PENGURUSAN

## SUMBER MANUSIA

Sehingga akhir tahun 2014, MAIWP mempunyai seramai 918 orang pegawai merangkumi pegawai di peringkat Pengurusan dan Profesional (P&P) dan Kumpulan Sokongan.

**Jadual 44: Pecahan Pegawai MAIWP Tahun 2014**

| Bil. | Kumpulan | Bilangan Pegawai | | |
|---|---|---|---|---|
| | | Tetap | | Kontrak |
| | | Bilangan Jawatan | Jawatan Telah di Isi | |
| 1. | Pengurusan Tertinggi (Jusa C) | 1 | 1 | - |
| 2. | Pengurusan & Profesional (Gred 41 – 54 ) | 70 | 65 | 82 |
| 3. | Sokongan I (Gred 27-40) | 227 | 226 | 549 |
| 4. | Sokongan II (Gred 1-26) | 37 | 36 | 65 |
| | **Jumlah** | **335** | **328** | **696** |
| | **918 Jawatan telah di isi** | | | |

Pada tahun 2014, sebanyak 55% daripada pegawai kontrak MAIWP adalah terdiri daripada guru dan pembantu guru di Tadika-tadika Islam MAIWP.

**Carta 42: Bilangan Pegawai MAIWP Dari Tahun 2011 - 2014**




### Lantikan Baru



*Akujanji Pegawai Baru*

Mesyuarat Panel Perjawatan MAIWP Tahun 2014 telah meluluskan sebanyak 135 perjawatan baru pelbagai gred dan skim perkhidmatan, pertambahan ini adalah bagi memenuhi keperluan bahagian-bahagian di MAIWP bagi melaksanakan dasar baru serta bebanan tugas yang semakin meningkat. Pada tahun 2014, MAIWP telah membuat pelantikan baru seramai 106 orang bagi memenuhi keperluan tersebut seterusnya merialisasikan keperluan ummah.

### Pengesahan Perkhidmatan

Seramai 315 orang pegawai MAIWP telah disahkan dalam perkhidmatan. Pada tahun 2014 seramai 5 orang pegawai tetap MAIWP telah mendapat pengesahan dalam perkhidmatan setelah berjaya mengikuti kursus Induksi Khusus, Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan yang diwajibkan.

### Pengemaskinian HRMIS

Pada tahun 2014 MAIWP telah berjaya mengemaskini modul data perjawatan sehingga 100% dalam Sistem Maklumat Pengurusan Sumber Manusia (HRMIS). HRMIS merupakan sistem yang dibangunkan oleh Kerajaan bertujuan menyediakan sistem maklumat bersepadu bagi menyelenggara maklumat peribadi dan perjawatan sektor awam.

### Anugerah Perkhidmatan Cemerlang



*APC 2013*

Seramai 79 orang pegawai MAIWP telah dipilih sebagai penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Tahun 2013 selaras dengan Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 2 Tahun 2002. Mereka menerima hadiah wang tunai RM1,000 dan sijil Anugerah Perkhidmatan Cemerlang. Majlis meraikan penerima APC telah diadakan pada 22 April 2014 bertempat di Dewan Besar (Qaah Al-Qardhawi), SMA-MAIWP, No. 2 Jalan Seri Permaisuri, 56000 Cheras, Kuala Lumpur.

## LATIHAN

Fungsi Unit Latihan dan Inovasi adalah menguruskan latihan personel bagi melengkapkan diri pegawai dan kakitangan dengan sikap, kemahiran dan pengetahuan yang bersesuaian melalui program pembangunan modal insan yang terancang berasaskan kompetensi dan pembelajaran. Program latihan ini dapat menambahkan pengetahuan dan kepakaran seterusnya melahirkan tenaga kerja yang profesional. Pada tahun 2014, sebanyak 96.54% pegawai MAIWP telah berjaya menghadiri kursus sekurang-kurangnya 7 hari setahun dan MAIWP telah membelanjakan sebanyak RM0.84 juta bagi tujuan latihan pegawai.

**Jadual 45: Jumlah Peratusan Kehadiran Kursus 7 Hari Setahun Pegawai MAIWP Tahun 2011 – 2014**

| Perkara | Tahun | | | |
|---|---|---|---|---|
| | 2011 | 2012 | 2013 | 2014 |
| Peratus Kehadiran | 90% | 95% | 99.3% | 96.54% |

### Inovasi

Penganjuran Hari Inovasi dan Kecemerlangan JPM 2014 adalah untuk mengiktiraf kecemerlangan dan membentuk ekosistem yang menggalakkan inovasi di kalangan warga Perkhidmatan Awam. MAIWP telah menghantar penyertaan bagi meningkatkan budaya inovasi di MAIWP. Hasil daripada penyertaan tersebut, Kumpulan Al-Fateh (MAIWP Labuan) telah menjuarai pertandingan KIK 2014 Peringkat JPM dan mewakili JPM pada Konvensyen KIK Kebangsaan pada bulan Disember 2014 di Johor Bahru. Manakala, Program Jejak Asnaf Baitulmal MAIWP telah diumumkan sebagai Naib Johan Anugerah Inovasi JPM 2014 bagi kategori Non ICT. Manakala Kumpulan Ijtihad dari Unit Audit Dalam telah memenangi tempat ke-3 pada Konvensyen KIK Peringkat Wilayah Persekutuan 2014.



*Kumpulan Ijtihad mendapat tempat ketiga di Konvokesyen KIK peringkat WIlayah Persekutuan*

## PENGGUNAAN TEKNOLOGI MAKLUMAT (ICT)

Pada masa ini penggunaan teknologi ICT dalam urusan seharian tidak dapat dielakkan. MAIWP juga tidak ketinggalan dalam mengaplikasikan teknologi IT ini dalam operasi dan urusan perkhidmatan pelanggan. Proses permohonan bantuan zakat, proses kewangan, pengurusan aset, pengurusan kakitangan dan pengurusan hartanah semuanya menggunakan sistem aplikasi berkomputer.

Sepanjang tahun 2014, beberapa sistem aplikasi yang dilaksanakan di MAIWP telah ditambahbaik. Penambahbaikan ini adalah bagi memenuhi keperluan serta meningkatkan lagi kecekapan operasi MAIWP. Antara sistem yang telah berjaya ditingkatkan adalah Sistem Pengurusan Pelajar Institut Kemahiran Baitulmal (SPPIKB) dan Sistem Maklumat Pengurusan Kakitangan (HRMAPS).

MAIWP juga sedang menaiktaraf Sistem Maklumat Agihan Zakat (SMAZ) agar ianya lebih mantap selaras dengan perkembangan teknologi IT semasa.

Dari segi prasarana IT, MAIWP telah meningkatkan rangkaian MAIWP*Net selaras dengan pertambahan 6 buah Pusat Agihan Zakat (PAZA).

Peningkatan penggunaan teknologi ICT di MAIWP diharapkan dapat terus meningkatkan kecekapan MAIWP dalam melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan.

**Jadual 46: Sistem Yang Dibangun dan Digunakan Oleh MAIWP**

| Bil. | Aplikasi yang Dilaksanakan Di MAIWP |
|---|---|
| 1. | Sistem Maklumat Agihan Zakat (SMAZ) |
| 2. | Sistem Pengurusan Hartanah MAIWP (E-Hartanah) |
| 3. | Sistem E-Bayaran |
| 4. | Sistem Pengurusan Maklumat Bersepadu (E-Smiss) |
| 5. | Sistem Kewangan Dan Akaun MAIWP (SKEAMA) |
| 6. | Sistem Kewangan (SAGA) |
| 7. | Sistem Pengurusan Pelajar Institut Kemahiran Baitulmal (SPPIKB) |
| 8. | Sistem Pengurusan Pelajar Darul Kifayah (SisDAF) |
| 9. | Sistem Pengurusan Aset (E-Aset) |
| 10. | Sistem Pengurusan Stor (SPS) |
| 11. | Sistem Maklumat Pengurusan Kakitangan (HRMAPS) |
| 12. | Sistem Maklumat Gaji (SMG) |

## PENGAUDITAN



*Perasmian Buku S-Assessment yang menilai pematuhan prosedur kewangan di Tadika-tadika Islam MAIWP*

Sepanjang tahun 2014, MAIWP melalui Unit Audit Dalam telah menjalankan 171 pengauditan yang meliputi 1 Pengauditan Penyata Kewangan MAIWP, 5 Pengauditan Interim / Pengurusan Kewangan MAIWP, 3 Pengauditan Interim / Kewangan Syarikat MAIWP, 4 Pengauditan Prestasi, 53 Penampilan Audit bagi Masjid / Surau Jumaat, Tadika Islam dan Kedai Rakyat MAIWP, dan 80 penilaian S-Assessment Tadika Islam MAIWP serta 25 Pengauditan Khas / Siasatan / Susulan / Ulasan Audit. Pencapaian pengauditan sehingga kini adalah sebanyak 171 kali atau 190% berbanding sasaran tahunan iaitu sebanyak 90 pengauditan.

**Jadual 47: Senarai pengauditan yang dijalankan oleh Unit Audit Dalam**

| Bil. | Kategori Pengauditan | Sasaran | Pencapaian |
|---|---|---|---|
| 1. | Pengauditan Penyata Kewangan MAIWP | 1 | 1 |
| 2. | Pengauditan Interim / Pengurusan Kewangan MAIWP | 8 | 5 |
| 3. | Pengauditan Interim / Kewangan Syarikat MAIWP | 4 | 3 |
| 4. | Pengauditan Prestasi MAIWP & Syarikat MAIWP | 5 | 4 |
| 5. | Penampilan Audit Bagi Masjid / Surau Jumaat, Tadika Islam dan Kedai Rakyat MAIWP | 52 | 53 |
| 6. | Penilaian S-Assessment Tadika Islam MAIWP | 0 | 80 |
| 7. | Pengauditan Khas / Siasatan / Susulan / Ulasan Audit | 20 | 25 |
| **Jumlah** | | **90** | **171** |

MAIWP juga mempunyai Jawatankuasa Audit Dalam yang ditubuhkan selaras dengan Surat Pekeliling Am Bil. 3 Tahun 1998 iaitu Garis Panduan Mengenai Peranan dan Tanggungjawab Kementerian, Lembaga Pengarah dan Ketua Eksekutif Dalam Pengurusan Badan-Badan Berkanun Kerajaan. Jawatankuasa ini perlu bermesyuarat sekurang-kurangnya 4 kali setahun atau dalam tempoh 3 bulan sekali. Pada tahun 2014, Unit Audit Dalam telah berjaya mengadakan mesyuarat sebanyak 6 kali seperti yang dikehendaki oleh Jawatankuasa Audit Dalam.

## PERHUBUNGAN KORPORAT



*Penerangan mengenai MAIWP turut dibuat melalui aktiviti Pameran*

Aktiviti-aktiviti perhubungan korporat MAIWP turut ditekankan yang mana secara tidak langsung dapat membantu memberikan imej dan persepsi yang baik terhadap MAIWP. Ia dapat dipecahkan kepada beberapa perkara iaitu pengendalian aduan, lawatan dan promosi.

Sepanjang tahun 2014, aduan yang diterima berkaitan MAIWP adalah sebanyak 6 aduan. Selaras dengan Piagam Pelanggan MAIWP, maklumbalas aduan hendaklah dikemukakan kepada pengadu dalam tempoh 5 hari bekerja. Daripada jumlah aduan yang diterima, 5 aduan diuruskan dalam tempoh 5 hari manakala 1 lagi aduan diuruskan dalam tempoh 2 hari. Kelewatan tersebut disebabkan aduan berkenaan memerlukan siasatan yang agak terperinci daripada MAIWP sebelum maklumbalas dikemukakan.

**Jadual 48: Aduan Yang Diterima Oleh MAIWP Dari Tahun 2013-2014**

| Bil. | Kategori Aduan | 2013 | 2014 |
|---|---|---|---|
| 1. | Status permohonan bantuan | 3 | 2 |
| 2. | Perkhidmatan telefon | 1 | 1 |
| 3. | Pelatih Dar Assaadah | 1 | 1 |
| 4. | Amil Zakat Fitrah | 1 | 1 |
| 5. | Kerosakan Tadika Islam | 1 | 1 |
| **Jumlah** | | **7** | **6** |

MAIWP turut menerima lawatan daripada pihak luar bagi berkongsi pengalaman dan pencapaian MAIWP. Sepanjang tahun 2014, MAIWP telah menerima sebanyak 19 siri lawatan daripada pihak luar merangkumi dalam dan luar negara.

Aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan oleh MAIWP perlu dihebahkan agar masyarakat mengetahui tentang usaha proaktif MAIWP dalam menjaga sosioekonomi ummah. Aktiviti promosi yang dijalankan pada tahun 2014 adalah seperti jadual berikut:

**Jadual 49: Aktiviti Promosi MAIWP Tahun 2014**

| Bil. | Aktiviti Promosi | Kekerapan |
|---|---|---|
| 1. | Penerbitan Rancangan Televisyen Rahmat Kasih Musim Kelima di TV 1 | 13 episod |
| 2. | Iklan Talian Hotline Skuad Jejak Asnaf di billboard statik di Bulatan Cheras, Jalan Loke Yew | 2 unit |
| 3. | Iklan Skuad Jejak Asnaf dan talian hotline di radio IKIM sepanjang bulan Ramadhan | 30 hari |
| 4. | Pengedaran poster mengenai talian hotline Skuad Jejak Asnaf Baitulmal MAIWP | Seluruh masjid di Wilayah Persekutuan |
| 5. | Pameran | 20 kali |
| 6. | Penyiaran berita di laman web | 140 berita |
| 7. | Penerbitan rencana iklan di akhbar Utusan Malaysia | 6 keluaran |
| 8. | Penerbitan Buletin MAIWP | 12 keluaran |
| 9. | Promosi melalui skrin *Indoor Digital Media* di hampir 70 buah lokasi | Setiap hari mulai Mei 2014 |

# PENUTUP

Saya mewakili seluruh warga MAIWP merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Haji Baharom (B), Menteri di Jabatan Perdana Menteri merangkap Pengerusi MAIWP atas kepercayaan, sokongan dan dorongan yang diberikan dalam memastikan MAIWP sentiasa dapat melaksanakan yang terbaik dalam aktiviti yang diadakan. Begitu juga kepada Ahli-ahli MAIWP yang secara berterusan menentukan dasar dan halatuju untuk dijadikan panduan oleh pengurusan MAIWP.

Terima kasih juga diucapkan kepada seluruh umat Islam khususnya para pembayar zakat di atas sokongan dan kerjasama yang diberikan. Adalah diharapkan sokongan dan jalinan erat ini akan berterusan seterusnya memudahkan MAIWP untuk melaksanakan program-program yang dirancang.

Tidak lupa juga kepada semua agensi kerajaan, swasta dan Badan-badan Bukan Kerajaan (NGO) yang turut sama menjayakan perancangan MAIWP dalam agenda pembangunan ummah di Wilayah Persekutuan.

Golongan asnaf yang menjadi pelanggan utama MAIWP akan terus diberi perhatian yang sewajarnya dan kerjasama daripada para penerima bantuan ini amat diharapkan bagi memastikan matlamat di sebalik program agihan zakat berjaya dicapai.

Kepada semua warga MAIWP yang menjadi tulang belakang dan penggerak MAIWP, terima kasih di atas komitmen yang ditunjukkan dan semoga ianya berterusan di masa-masa akan datang.

Pencapaian MAIWP pada tahun 2014 akan terus dipertingkatkan dari tahun ke tahun dan tidak akan terhenti setakat ini. MAIWP bertekad untuk melipatgandakan usaha ini kearah merealisasikan impian menjadi sebuah agensi Islam yang dicontohi.

Sekian, terima kasih.



**DATUK HAJI ZAINAL ABIDIN BIN JAFFAR**
Ketua Pegawai Eksekutif MAIWP



# PENYATA KEWANGAN

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA**
**MENGENAI PENYATA KEWANGAN**
**MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN**
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014**

**Laporan Mengenai Penyata Kewangan**

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan Kumpulan yang merangkumi Lembaran Imbangan pada 31 Disember 2014 dan Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Kumpulan Wang serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota penjelasan yang lain.

*Tanggungjawab Lembaga Terhadap Penyata Kewangan*

Lembaga bertanggungjawab terhadap penyediaan dan persembahan penyata kewangan tersebut yang saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 (Akta 505). Lembaga juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang ditetapkan perlu oleh pengurusan bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan.

*Tanggungjawab Juruaudit*

Tanggungjawab saya adalah memberi pendapat terhadap penyata kewangan tersebut berdasarkan pengauditan yang dijalankan. Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut menghendaki saya mematuhi keperluan etika serta merancang dan melaksanakan pengauditan untuk memperoleh jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan tersebut bebas daripada salah nyata yang ketara.

Pengauditan meliputi pelaksanaan prosedur untuk memperoleh bukti audit mengenai amaun dan pendedahan dalam penyata kewangan. Prosedur yang dipilih bergantung kepada pertimbangan juruaudit, termasuk penilaian risiko salah nyata yang ketara pada penyata kewangan sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko

tersebut, juruaudit mempertimbangkan kawalan dalaman yang bersesuaian dengan entiti dalam penyediaan dan persembahan penyata kewangan yang memberi gambaran yang benar dan saksama bagi tujuan merangka prosedur pengauditan yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman entiti tersebut. Pengauditan juga termasuk menilai kesesuaian polisi perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan yang dibuat oleh pengurusan serta persembahan penyata kewangan secara menyeluruh.

Saya percaya bahawa bukti audit yang saya peroleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas bagi pendapat audit saya.

*Pendapat*

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan Kumpulan pada 31 Disember 2014 dan prestasi kewangan serta aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia.

Saya telah mempertimbangkan penyata kewangan dan laporan juruaudit bagi semua syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya seperti yang dinyatakan dalam nota kepada penyata kewangan. Saya berpuas hati bahawa penyata kewangan berkenaan telah disatukan dengan Penyata Kewangan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan wajar bagi tujuan penyediaan penyata kewangan. Saya juga telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan sebagaimana yang dikehendaki bagi tujuan tersebut. Laporan juruaudit mengenai penyata kewangan syarikat subsidiari berkenaan tidak mengandungi sebarang pemerhatian yang boleh menjejaskan penyata kewangan.

(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
12 JUN 2015

**MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN**

**PENYATA PENGERUSI DAN SEORANG**

**AHLI MAJLIS AGAMA**

**ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN**

Kami **MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B)** dan **HAJJAH JAMELA BT MOHD SYED** yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli **Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan** dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Ahli-Ahli Majlis, Penyata Kewangan yang mengandungi Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Kumpulan Wang dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan **Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan** dan Kumpulan pada **31 Disember 2014** dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

| | |
|---|---|
| Bagi Pihak Ahli Majlis, | Bagi Pihak Ahli Majlis, |
| ........................................ | ........................................ |
| **Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir Bin Haji Baharom (B)** | **Hajjah Jamela Bt Mohd Syed** |
| Gelaran : **Pengerusi** | Gelaran : **Ahli Majlis** |
| Tarikh : 23 MAR 2015 | Tarikh : 23 MAR 2015 |
| Lot 150, Bangunan PERKIM | Lot 150, Bangunan PERKIM |
| Jalan Ipoh | Jalan Ipoh |
| 51200 Kuala Lumpur | 51200 Kuala Lumpur |

**MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN**

**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA**
**YANG BERTANGGUNGJAWAB**
**KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN**
**MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN**

Saya **ZARINA BINTI HAMZAH**, pengawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Kumpulan Wang dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

| | |
|---|---|
| Sebenarnya dan sesungguhnya | ) |
| diakui oleh penama di atas | ) ……………………………………… |
| di Kuala Lumpur | ) **(ZARINA BINTI HAMZAH)** |
| pada 23 MAR 2015 | ) **Pengurus Bahagian Kewangan,** |
| | Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan |

Di hadapan saya,

PESURUHJAYA SUMPAH
W 589
SAMSIAH BT. ALI
MALAYSIA

SAMSIAH BINTI ALI (No. W 589)
PESURUHJAYA SUMPAH
NO. 1428, TKT BAWAH,
BGN. UMNO SELANGOR
JALAN IPOH, 51200
KUALA LUMPUR W.P.

# MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN

## LEMBARAN IMBANGAN
## PADA 31 DISEMBER 2014

| | NOTA | KUMPULAN 2014 RM | KUMPULAN 2013 RM | MAIWP 2014 RM | MAIWP 2013 RM |
|---|---|---|---|---|---|
| **ASET BUKAN SEMASA** | | | | | |
| Hartanah, loji dan peralatan | 5 | 673,894,576 | 670,079,994 | 630,397,956 | 631,403,799 |
| Harta dalam kemajuan | 6 | 63,071,156 | 46,396,304 | 62,637,156 | 45,889,304 |
| Pelaburan dalam syarikat-syarikat subsidiari | 7 | - | - | 46,703,000 | 46,203,000 |
| Pelaburan dalam saham | 8 | 3,077,067 | 5,759,837 | 3,075,465 | 5,636,022 |
| Lain-lain Pelaburan | 9 | 30,000,000 | 10,000,000 | 30,000,000 | 10,000,000 |
| Aset Tidak Ketara | 10 | 818,482 | 818,482 | - | - |
| | | 770,861,281 | 733,054,617 | 772,813,577 | 739,132,125 |
| **ASET SEMASA** | | | | | |
| Inventori | 11 | 2,780,139 | 2,526,193 | - | - |
| Jumlah terhutang oleh syarikat-syarikat subsidiari | 12 | - | - | 37,016,035 | 40,527,563 |
| Penghutang perniagaan dan lain-lain penghutang | 13 | 78,793,902 | 56,238,594 | 22,535,978 | 6,012,489 |
| Cukai akan diterima semula | 14 | 10,428 | 10,428 | - | - |
| Deposit dengan bank berlesen | | 490,801,023 | 253,924,567 | 433,915,401 | 202,713,447 |
| Baki tunai di tangan dan di bank | 15 | 198,897,983 | 402,016,925 | 134,027,696 | 337,520,217 |
| | | 771,283,475 | 714,716,707 | 627,495,110 | 586,773,716 |
| **LIABILITI SEMASA** | | | | | |
| Jumlah terhutang kepada syarikat-syarikat subsidiari | 16 | - | - | 8,561,188 | 9,296,393 |
| Pemiutang perniagaan dan lain-lain pemiutang | 17 | 64,630,542 | 57,549,162 | 20,623,451 | 19,310,293 |
| Overdraf | 15 | 900,281 | - | - | - |
| Wang khas dan istibdal | 18 | 10,746,902 | 8,618,528 | 10,746,902 | 8,618,528 |
| Pinjaman-pinjaman | 19 | 255,569 | 168,663 | - | - |
| Peruntukan cukai | | 3,239,114 | 2,398,697 | - | - |
| | | 79,772,408 | 68,735,050 | 39,931,541 | 37,225,214 |
| **ASET SEMASA BERSIH** | | 691,511,067 | 645,981,657 | 587,563,569 | 549,548,502 |
| | | 1,462,372,348 | 1,379,036,274 | 1,360,377,146 | 1,288,680,627 |
| **DIBIAYAI:** | | | | | |
| Kumpulan wang terkumpul | | 1,455,043,976 | 1,372,697,224 | 1,360,377,146 | 1,288,680,627 |
| **KEPENTINGAN MINORITI** | | 4,677,676 | 4,999,202 | - | - |
| **LIABILITI BUKAN SEMASA** | | | | | |
| Pinjaman-pinjaman | 19 | 1,309,880 | 800,472 | - | - |
| Cukai tertunda | 20 | 1,340,816 | 539,376 | - | - |
| | | 2,650,696 | 1,339,848 | - | - |
| | | 1,462,372,348 | 1,379,036,274 | 1,360,377,146 | 1,288,680,627 |

Nota-nota yang dibentangkan menjadi sebahagian asasi Penyata Kewangan ini.

# MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN

## PENYATA PENDAPATAN
## BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

| | NOTA | KUMPULAN | | MAIWP | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | 2014 RM | 2013 RM | 2014 RM | 2013 RM |
| Hasil | 21 | 706,469,877 | 631,354,359 | 570,819,919 | 516,731,399 |
| Perbelanjaan | 22 | (412,690,297) | (318,864,571) | (422,308,294) | (329,682,847) |
| Lebihan Kasar | | 293,779,580 | 312,489,788 | 148,511,625 | 187,048,552 |
| Lain-lain Pendapatan | 23 | 25,693,541 | 31,107,756 | 21,154,021 | 27,814,444 |
| Lain-lain Perbelanjaan | 24 | (231,735,192) | (192,481,337) | (99,208,375) | (87,409,010) |
| Kos Kewangan | 25 | (236,378) | (192,256) | (65,354) | (54,895) |
| Lebihan Daripada Operasi | | 87,501,551 | 150,923,951 | 70,391,917 | 127,399,091 |
| Cukai | 26 | (6,267,810) | (5,114,913) | - | - |
| Kepentingan Minoriti | | - | (793,421) | - | - |
| Zakat | | (191,591) | (234,256) | - | - |
| Lebihan Dari aktiviti semasa | | 81,042,150 | 144,781,361 | 70,391,917 | 127,399,091 |
| Butiran Luar Biasa | 27 | - | 3,195,400 | - | 3,195,400 |
| Lebihan Bagi Tahun Semasa | | 81,042,150 | 147,976,761 | 70,391,917 | 130,594,491 |

Nota-nota yang dibentangkan menjadi sebahagian asasi Penyata Kewangan ini

# MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN

## PENYATA PERUBAHAN KUMPULAN WANG BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

### KUMPULAN

| | NOTA | PENDAPATAN TERSIMPAN RM | RIZAB TABUNG PINJAMAN RM | RIZAB PENILAIAN RM | RIZAB MODAL RM | JUMLAH RM |
|---|---|---|---|---|---|---|
| Baki pada 1 Januari 2013 | | 1,060,931,755 | 3,000,000 | 160,741,210 | 47,498 | 1,224,720,463 |
| Lebihan pendapatan | | 147,976,761 | - | - | - | 147,976,761 |
| Rizab Modal | | - | - | - | - | - |
| Baki pada 31 Disember 2013 | 29 | 1,208,908,516 | 3,000,000 | 160,741,210 | 47,498 | 1,372,697,224 |
| Pelarasan tahun terdahulu | 28 | (695,398) | 2,000,000 | - | - | 1,304,602 |
| Baki pada 1 Januari 2014 selepas pelarasan | | 1,208,213,118 | 5,000,000 | 160,741,210 | 47,498 | 1,374,001,826 |
| Lebihan pendapatan | | 81,042,150 | - | - | - | 81,042,150 |
| Baki pada 31 Disember 2014 | 29 | 1,289,255,268 | 5,000,000 | 160,741,210 | 47,498 | 1,455,043,976 |

### MAIWP

| | NOTA | PENDAPATAN TERSIMPAN RM | RIZAB TABUNG PINJAMAN RM | RIZAB PENILAIAN RM | RIZAB MODAL RM | JUMLAH RM |
|---|---|---|---|---|---|---|
| Baki pada 1 Januari 2013 | | 994,344,927 | 3,000,000 | 160,741,209 | - | 1,158,086,136 |
| Lebihan pendapatan | | 130,594,491 | - | - | - | 130,594,491 |
| Baki pada 31 Disember 2013 | 29 | 1,124,939,418 | 3,000,000 | 160,741,209 | - | 1,288,680,627 |
| Pelarasan tahun terdahulu | 28 | (695,398) | 2,000,000 | - | - | 1,304,602 |
| Baki pada 1 Januari 2014 selepas pelarasan | | 1,124,244,020 | 5,000,000 | 160,741,209 | - | 1,289,985,229 |
| Lebihan pendapatan | | 70,391,917 | - | - | - | 70,391,917 |
| Baki pada 31 Disember 2014 | 29 | 1,194,635,937 | 5,000,000 | 160,741,209 | - | 1,360,377,146 |

Nota-nota yang dibentangkan menjadi sebahagian asasi Penyata Kewangan ini.

# MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN

## PENYATA ALIRAN TUNAI
## BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

| | NOTA | KUMPULAN | | MAIWP | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | 2014 RM | 2013 RM | 2014 RM | 2013 RM |
| **ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI** | | | | | |
| Lebihan sebelum cukai dan zakat | | 87,501,551 | 150,923,951 | 70,391,917 | 127,399,091 |
| **Pelarasan untuk :** | | | | | |
| Belanja susutnilai | | 21,974,957 | 20,886,260 | 15,679,245 | 14,681,409 |
| Butiran luar biasa | | - | 3,195,400 | - | 3,195,400 |
| Elaun hutang ragu | | 20,266 | - | - | - |
| Hapuskira Aset | | 8,021,686 | 3,516 | 8,021,686 | 3,516 |
| Hapuskira Inventori | | 14,308 | 29,997 | - | - |
| Harta dalam kemajuan dihapuskira | | (9,723) | (285,471) | (9,723) | (285,471) |
| Keuntungan jualan hartanah, loji dan peralatan | | (10,404) | (31,397) | - | (31,397) |
| Keuntungan dari jualan saham | | (384,583) | (5,105,400) | (384,583) | (5,105,400) |
| Kerugian dari jualan saham | | 74,958 | 7,406 | - | - |
| Pelarasan bagi tahun terdahulu | | 1,304,602 | 34,397,972 | 1,304,602 | 34,397,972 |
| Pelarasan baki awal hartanah, loji dan peralatan | | 85,843 | (25,290,847) | 85,844 | (25,290,856) |
| Pelarasan Pelaburan | | - | 6,743,587 | - | - |
| Cukai di pulangkan | | 430,819 | 492,481 | - | - |
| Pendapatan dari simpanan dan pelaburan | | (16,808,226) | 4,156,064 | (22,884,637) | (16,129,856) |
| Rosot nilai saham | | 82,206 | 323,785 | - | - |
| Terimaan aset dari kerajaan | | - | (662,308) | - | (662,308) |
| **ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI SEBELUM PERUBAHAN MODAL KERJA** | | 102,298,260 | 189,784,996 | 72,204,351 | 132,172,100 |
| *Perubahan modal kerja:* | | | | | |
| Pengurangan / (pertambahan) inventori | | (268,254) | 13,755 | - | - |
| Pengurangan /(pertambahan) penghutang perniagaan dan lain-lain penghutang | | (22,313,895) | (5,419,393) | (16,523,489) | 4,224,068 |
| Pertambahan/(pengurangan) wang khas dan istibdal | | 2,128,374 | 1,456,157 | 2,128,374 | 1,456,157 |
| Pengurangan/(pertambahan) terhutang oleh syarikat subsidiari | | - | - | 3,511,528 | (919,668) |
| Pertambahan/(pengurangan) terhutang kepada syarikat subsidiari | | - | - | (735,205) | 1,954,865 |
| Pertambahan/(pengurangan) pemiutang perniagaan dan lain-lain pemiutang | | 7,081,380 | (1,833,421) | 1,313,158 | (4,506,219) |
| Tunai dari aktiviti operasi | | 88,925,865 | 184,002,094 | 61,898,717 | 134,381,303 |

Nota-nota yang dibentangkan menjadi sebahagian asasi Penyata Kewangan ini

# MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN

## PENYATA ALIRAN TUNAI (SAMBUNGAN) BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

| | NOTA | KUMPULAN | | MAIWP | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | 2014 RM | 2013 RM | 2014 RM | 2013 RM |
| Pendapatan dari simpanan dan pelaburan | | 16,808,226 | (4,156,064) | 22,884,637 | 16,129,856 |
| Keuntungan pinjaman Al-Bai Bithaman Ajil | | - | - | - | - |
| Dividen kepada kepentingan minoriti | | (321,526) | (793,421) | - | - |
| Zakat dibayar | | (191,591) | (234,256) | - | - |
| Cukai dibayar | | (5,171,732) | (1,968,147) | - | - |
| **ALIRAN MASUK TUNAI BERSIH DARIPADA AKTIVITI OPERASI** | | 100,049,242 | 176,850,206 | 84,783,354 | 150,511,159 |
| **ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN** | | | | | |
| Pembelian hartanah, loji dan peralatan | | (19,658,195) | (11,359,778) | (8,901,598) | (3,523,218) |
| Penjualan hartanah, loji dan peralatan | | 12,946 | 75,780 | 1,800 | 31,178 |
| Pembelian sijil pelaburan saham / lain -lain pelaburan | | (20,000,000) | (2,658,859) | (20,000,000) | (2,560,557) |
| Penjualan sijil pelaburan | | 2,910,189 | 41,910,000 | 2,945,140 | 41,910,000 |
| Peningkatan dalam harta dalam kemajuan | | (31,053,263) | (42,030,249) | (30,619,263) | (41,523,249) |
| Pembelian pusat dialisis | | - | (700,000) | - | - |
| Penambahan dana dalam syarikat subsidiari | | - | - | (500,000) | - |
| **ALIRAN KELUAR TUNAI BERSIH DARIPADA AKTIVITI PELABURAN** | | (67,788,323) | (14,763,106) | (57,073,921) | (5,665,846) |
| **ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PEMBIAYAAN** | | | | | |
| Hasil daripada pinjaman | | 840,732 | 951,171 | - | - |
| Pembayaran kepada pinjaman | | (244,418) | (388,071) | - | - |
| **ALIRAN KELUAR TUNAI BERSIH DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN** | | 596,314 | 563,100 | - | - |
| Lebihan /(Kurangan) Dalam Tunai Dan Kesetaraan Tunai Bersih | | 32,857,233 | 162,650,200 | 27,709,433 | 144,845,313 |
| Tunai Dan Kesetaraan Tunai Pada Awal Tahun | | 655,941,492 | 493,291,292 | 540,233,664 | 395,388,351 |
| **TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN** | | 688,798,725 | 655,941,492 | 567,943,097 | 540,233,664 |
| **TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI TERDIRI DARIPADA:** | | | | | |
| Deposit dengan bank berlesen | 14 | 490,801,023 | 253,924,567 | 433,915,401 | 202,713,447 |
| Baki tunai di tangan dan di bank | 15 | 198,897,983 | 402,016,925 | 134,027,696 | 337,520,217 |
| Overdraf bank | 15 | (900,281) | - | - | - |
| | | 688,798,725 | 655,941,492 | 567,943,097 | 540,233,664 |

Nota-nota yang dibentangkan menjadi sebahagian asasi Penyata Kewangan ini

# MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

### 1. MAKLUMAT KORPORAT

Majlis Agama Islam Wilayah-Wilayah Persekutuan (MAIWP) ditubuhkan berdasarkan peruntukan di dalam Perkara 3(5) Perlembagaan Persekutuan, Seksyen 4(1), Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993, (Akta 505) dan Sekyen 3, Akta 505.

Ibu Pejabat MAIWP terletak di Tingkat 10, Bangunan PERKIM, Jalan Ipoh, 51200 Kuala Lumpur. Sehingga 31 Disember 2014, MAIWP beroperasi di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

Penyata kewangan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014 ini telah diterima dan diluluskan oleh Ahli Majlis pada 23 Mac 2015.

### 2. AKTIVITI UTAMA

Kegiatan utama Majlis adalah untuk memajukan, merangsang, memudahkan dan melaksanakan pembangunan ekonomi dan sosial serta kebajikan komuniti orang-orang Islam di Wilayah Persekutuan mengikut Perundangan Islam.

Kegiatan utama syarikat-syarikat subsidiari di dalam kumpulan adalah seperti yang dinyatakan di dalam Nota 7 kepada penyata kewangan ini.

### 3. POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING

#### a. Asas Perakaunan

Penyata Kewangan Kumpulan dan MAIWP telah disediakan berpandukan konvensyen kos sejarah, mengikut Piawaian Laporan Entiti Persendirian (PERS) yang telah diterbitkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) dan prinsip perakaunan diterima pakai umum di Malaysia kecuali perkara yang dinyatakan di dalam Nota 3(p)(i)&(p)(iii) kepada Penyata Kewangan bagi memenuhi prinsip-prinsip syariah.

Piawaian-piawaian perakaunan yang diterima pakai oleh Kumpulan dan MAIWP adalah konsisten dengan tahun sebelumnya.

Angka perbandingan di dalam penyata pendapatan dan lembaran imbangan bagi tahun sebelumnya telah diklasifikasi semula supaya selaras dengan pembentangan tahun semasa.

Penyata Kewangan syarikat-syarikat subsidiari pula telah disediakan menurut kelaziman kos sejarah dan Piawaian Laporan Entiti Persendirian (PERS) serta peruntukan-peruntukan Akta Syarikat, 1965.

#### b. Asas Penyatuan

**Syarikat subsidiari**

Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan dan Penyata Aliran Tunai Kumpulan adalah hasil penyatuan akaun Majlis Agama Islam Wilayah-Wilayah Persekutuan dengan akaun Syarikat-syarikat Subsidiarinya iaitu Hospital Pusrawi Sdn. Bhd., Yayasan Taqwa Wilayah Persekutuan, Institut Profesional Baitulmal Sdn. Bhd., Harta Suci Sdn. Bhd., Kolej Sains Perubatan Antarabangsa PUSRAWI Sdn. Bhd. (dahulunya dikenali sebagai Kolej Sains dan Kejururawatan PUSRAWI Sdn. Bhd), MAIWP Dagang Sdn. Bhd., dan Pusat Wakaf Sdn. Bhd.

Penyata kewangan yang disatukan merangkumi penyata kewangan Majlis dan kesemua syarikat subsidiarinya yang disediakan sehingga akhir tahun kewangan. Syarikat-syarikat subsidiari adalah syarikat di mana Kumpulan mempunyai kawalan dan pengaruh dalam aspek kewangan dan polisi operasinya yang boleh dimanfaatkan secara terus daripada semua aktivitinya. Penyatuan syarikat-syarikat subsidiari dibuat pada tarikh di mana kawalan telah berpindah kepada

Kumpulan sehingga tarikh kawalan ke atas syarikat-syarikat subsidiari ini dilupuskan.

Baki, urusniaga, pendapatan dan perbelanjaan daripada urusniaga dalam Kumpulan dihapuskan sepenuhnya dalam penyatuan. Apabila perlu, pelarasan dibuat keatas penyata kewangan syarikat-syarikat subsidiari untuk memastikan syarikat-syarikat subsidiari menerima pakai dasar perakaunan secara konsisten seperti yang diterimapakai oleh kumpulan.

Keuntungan atau kerugian daripada pelupusan syarikat subsidiari adalah perbezaan di antara perolehan bersih pelupusan dan bahagian aset bersih bagi kumpulan serta sebarang jumlah muhibah yang belum dilunaskan oleh perbezaan tukaran yang tidak diiktiraf sebelum ini di dalam penyatuan penyata pendapatan.

Kepentingan saham minoriti diukur melalui bahagian minoriti ke atas nilai wajar aset ketara bersih selepas pengambilalihan dan tanggungan syarikat subsidiari yang diambilalih. Kesan perubahan ke atas kepentingan minoriti dibentangkan secara berasingan.

**c. Hartanah, loji dan peralatan serta susutnilai**

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada harga kos tolak susutnilai terkumpul dan kerugian pengurangan nilai. Susutnilai hartanah, loji dan peralatan tetap dikira bagi tujuan pelupusan kos hartanah, loji dan peralatan mengikut kaedah garis lurus berdasarkan usia penggunaan hartanah, loji dan peralatan.

Kesemua Hartanah, loji dan peralatan pada mulanya dinyatakan dalam kos. Tanah pegangan bebas, tanah pajakan jangka panjang dan bangunan dinyatakan pada nilai penilaian semula berdasarkan penilaian yang dibuat oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta pada harga pasaran ditolak pelunasan, susutnilai dan kerugian rosotnilai. Kesemua hartanah, loji dan peralatan lain-lain dinyatakan pada kos ditolak susutnilai terkumpul dan kerugian rosotnilai.

Susutnilai diambilkira genap satu bulan bagi harga yang dibeli atau dinilai semula sebelum 15 haribulan bagi sesuatu bulan. Jika pembelian atau penilaian semula berlaku selepas atau pada 15 haribulan, susutnilai akan diambilkira mulai bulan berikutnya.

Tanah milik bebas tidak disusutnilaikan. Tempoh susutnilai tanah pajakan adalah berdasarkan pada tempoh pindah milik tanah/tempoh diperolehi. Sekiranya tempoh hak milik melebihi 6 bulan atau 6 bulan pertama di dalam tahun berkenaan ianya akan diambilkira sebagai genap setahun. Sekiranya tempoh hak milik kurang daripada 6 bulan atau bagi 6 bulan kedua dalam tahun berkenaan tempoh susutnilai akan dikira mulai tahun berikutnya.

Tambahan daripada penilaian semula diambilkira dalam rizab penilaian semula. Sebarang defisit dari penilaian ditolak dari rizab penilaian semula dan terhad kepada nilai tambahan didalam rizab penilaian semula bagi hartanah, loji dan peralatan yang sama. Bagi kes-kes yang lain, penurunan nilai yang dibawa dicajkan dalam Penyata Pendapatan.

Kadar tahunan susutnilai untuk hartanah, loji dan peralatan tetap adalah seperti berikut:-

| | |
|---|---|
| Bangunan | 2% |
| Peralatan Asrama | 5% |
| Peralatan Pejabat, Perabot dan Kelengkapan, Sukan, Alat Kelengkapan Keselamatan, Kebersihan & Kesihatan | 5-20% |
| Buku Perpustakaan | 10% |
| Alat Bantu Mengajar | 10% |
| Peralatan Perubatan | 10% |
| Mesin Pejabat | 10% |
| Ubahsuai | 10-33.33% |
| Komputer | 10-20% |
| Kenderaan | 20% |
| Makmal | 20% |
| Papan Tanda | 10-20% |

**d. Harta Dalam Kemajuan**

Harta Dalam Kemajuan dipermodalkan sebagai hartanah, loji dan peralatan setelah MAIWP menerima sijil akuan siap atau surat akuan penerimaan.

Susutnilai bagi Harta Dalam Kemajuan ini akan dikenakan bila hartanah, loji dan peralatan tersebut sedia untuk digunakan.

**e. Rosotnilai aset**

